DR 4 TAHUN 2018

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEENAM



# LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KETIGA BELAS

## PENGURUSAN PROGRAM DESA LESTARI

- KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)

# LAPORAN

# JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

# PARLIMEN KETIGA BELAS


| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1 | LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM DESA LESTARI DI BAWAH KEMENTERIAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW) | 1-13 |
| 2 | RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA | 14-15 |
| 3 | AGENDA MESYUARAT | |
| 4 | LAPORAN PROSIDING | |
| 5 | DOKUMEN PEMBENTANGAN | |

# LAPORAN
# JAWATANKUASA
# KIRA-KIRA
# WANG NEGARA

# LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM DESA LESTARI DI BAWAH KEMENTERIAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW)

## 1. PENDAHULUAN

Pengurusan Program Desa Lestari yang dilaksanakan oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2016 Siri 1 (Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 25 Oktober 2017 iaitu dalam prosiding Bilangan 16/2017.

## 2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan Audit berhubung Pengurusan Pengurusan Program Desa Lestari bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan program berkenaan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan keperluan undang-undang serta mencapai objektif program.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

i. menjemput Ketua Audit Negara yang diwakili oleh Pengarah Audit (Prestasi) JAN bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;

ii. memanggil pihak yang terlibat dalam Pengurusan Program Desa Lestari iaitu YBhg. Datuk Borhan Bin Dollah, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta YBhg. Dato' Dr. Noor Zari Bin Hamat, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan

iii. menjemput wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

## 4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN PROGRAM DESA LESTARI

4.1. Program Desa Lestari di bawah GTP 2.0 merupakan inisiatif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dalam usaha mentransformasikan desa menjadi sebuah kawasan yang maju dengan penduduk yang berpendapatan tinggi.

4.2. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengupayaan komuniti dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan di kampung dengan memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan. Selain membuka peluang pekerjaan baru, program ini juga memberi peluang peningkatan pendapatan kepada penduduk.

4.3. Program Desa Lestari telah bermula pada tahun 2013. Kampung yang terpilih disyaratkan menubuhkan koperasi di bawah kawal selia Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Koperasi berperanan sebagai peneraju Program Desa Lestari yang melibatkan program pelancongan desa, peruncitan, pertanian, penternakan, perladangan dan perkhidmatan jentera.

4.4. Sehingga tahun 2016, sebanyak 80 buah kampung telah terpilih dengan peruntukan sebanyak RM114.68 juta telah disalurkan melalui agensi KKLW seperti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

4.5. Sebagai panduan kepada Agensi/Koperasi dalam melaksanakan perolehan, KKLW telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Desa Lestari (Desa Abad Ke-21) (GP PDL) pada Mei 2013 dan April 2015.

# 5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

Sesi prosiding dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Pengarah Audit (Prestasi) JAN kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU KKLW serta Pengerusi Eksekutif SKM memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

## 5.1. Penjelasan Awal Pengarah Audit (Prestasi) JAN

Pengarah Audit (Prestasi) JAN telah memaklumkan bahawa JAN telah memilih 30 dari 80 buah Desa Lestari di seluruh negara sebagai sampel untuk diaudit, iaitu 37.5 peratus.

JAN telah membentangkan 19 isu untuk makluman dan dibincangkan oleh PAC Parlimen dan isu-isunya adalah seperti berikut:

a) **Peruntukan ditindik (parking) di Agensi KKLW.**
Lebihan peruntukan yang masih belum dibelanjakan sebanyak RM16 juta sejak tahun 2013 disimpan di agensi KKLW seperti FELCRA (RM12.5 juta), RISDA (RM2.14 juta), KEDA (RM700,000) dan KEJORA (RM560,000). Peruntukan berkenaan sepatutnya dikembalikan kepada KKLW tapi mengikut maklum balas terkini, KKLW hanya berjaya mendapatkan semula lebihan peruntukan itu sebanyak RM3.3 juta dari FELCRA, RISDA dan KEDA;

b) **Projek Gagal.**

Terdapat 19 dari 84 projek yang melibatkan 12 koperasi gagal dan terbengkalai menyebabkan objektif program ini tidak tercapai dan gagal dimanfaatkan sepenuhnya;

c) **Kontrak Ditandatangani Oleh Pegawai Yang Tidak Diberi Kuasa.**

Dokumen kontrak bagi pembinaan Dua Unit Reban Ayam Projek Desa Lestari antara KEJORA dan Syarikat Cahaya Limbungan Sdn. Bhd. berjumlah RM0.92 juta telah ditandatangani oleh Pengurus Besar KEJORA bagi pihak Kerajaan Malaysia tanpa penurunan kuasa oleh YB Menteri KKLW;

d) **Projek Tanpa Kelulusan – Tambahan Seunit Reban Ayam.**

KEJORA meneruskan pembinaan 2 unit reban ayam walaupun KKLW telah menarik balik sebahagian peruntukan dan peruntukan hanya tinggal untuk pembinaan seunit sahaja.

e) **Bayaran Pendahuluan 10% Bagi Perolehan Kenderaan.**

Bayaran 10% pendahuluan telah dibuat oleh KEJORA kepada pembekal kenderaan sebelum kenderaan diterima.

f) **Pecah Kecil Perolehan.**

Perolehan melebihi RM500,000 telah dibuat secara sebut harga. Koperasi terlibat adalah Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad, Koperasi Sungai Lang Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad. Nilai perolehan yang terlibat berjumlah RM2.08 juta;

g) **Syarikat Dilantik Merupakan Syarikat Milik Keluarga/Ahli Lembaga Koperasi (ALK).**

11 perolehan yang melibatkan pembelian terus/sebut harga bernilai RM1.75 juta oleh empat Koperasi dibuat dengan melantik kontraktor di kalangan syarikat yang dimiliki oleh ALK ataupun ahli keluarga ALK.

h) **Kebenaran Merancang (KM) Tidak Diperoleh.**

KM bagi Projek Mini Hotel Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad bernilai RM0.80 juta tidak diperolehi daripada Majlis Perbandaran Kangar sebelum kerja dimulakan.

i) **Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC).**

Penguasa Projek bagi 30 Koperasi tidak mengeluarkan CPC bagi projek yang telah siap. Sebaliknya, CPC telah dikeluarkan sendiri oleh pihak Koperasi yang mana bertentangan dengan Garis Panduan yang menyatakan tanggungjawab mengeluarkan CPC adalah di bawah tanggungjawab KKLW/Agensi.

j) **Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi.**

Kerja-kerja di tiga Koperasi yang melibatkan tujuh projek telah dilakukan tidak mengikut spesifikasi seperti di dalam *Bills of Quantity (BQ)* yang melibatkan lebihan bayaran sejumlah RM0.14 juta.

k) **Projek Lewat Disiapkan Tetapi Denda Tidak Dikenakan.**

Denda bernilai RM74,398 tidak dikenakan walaupun klausa mengenai denda dinyatakan dalam Surat Setuju Terima (SST).

l) **Perbandingan Harga Tidak Munasabah Bagi Pembinaan Kabin Chalet Yang Sama.**

Terdapat perbezaan julat harga yang tinggi antara RM29,850 hingga RM60,720 (11.5% hingga 23.42%) bagi setiap kabin menyebabkan perbezaan harga sebanyak RM0.64 juta.

m) **Pelantikan Juru Perunding Tidak Bertauliah.**

RNZ Consultants and Services yang dilantik sebagai juru perunding bagi enam projek bernilai RM1.83 juta yang dijalankan oleh Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad tidak berdaftar sebagai Juru Perunding Bertauliah.

n) **Perolehan Secara Rundingan Terus Tanpa Kelulusan Kementerian Kewangan.**

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan PDI 2/2013 bagi melantik Syamile Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. secara rundingan terus sebagai pembekal bagi projek ternakan lebah kelulut yang bernilai RM4.56 juta tidak mempunyai kelulusan kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

o) **Perolehan Jentera Yang Sama Pada Harga Berbeza.**

Harga perolehan jentera traktor tanah *JCB 3CX Backhoe Loader* yang dibeli oleh empat koperasi dari DM Equipment Sdn. Bhd. adalah berbeza-beza antara RM223,000 hingga RM260,000. Jumlah perbezaan harga yang terlibat berbanding dengan harga standard terendah adalah RM69,300.

p) **Perolehan Jentera Terpakai.**

Tiga koperasi iaitu Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang, Koperasi Parit Tujuh Sekinchan Bhd dan Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Bhd telah membeli sembilan jentera terpakai bernilai RM1.23 juta dengan kelulusan KKLW. Kenderaan berkenaan tidak berada dalam keadaan baik dan telah mengalami kerosakan.

q) **Peralatan Tidak Digunakan.**

Peralatan yang dibeli oleh Koperasi Homestay Kg. Peruas Berhad, Pahang; Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad, Pahang; Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad, Johor dan Koperasi Sungai Lang Berhad, Selangor tidak digunakan secara optimum bagi mendapatkan *value for money*.

r) **Pajakan Tanah Tidak Teratur.**

Pencarian tanah untuk dipajak bagi sesuatu projek tidak diwar-warkan secara meluas dan terdapat Koperasi yang memajak tanah milik Ahli/Keluarga ALK sahaja. Di samping itu terdapat juga bayaran pajakan tidak dibayar kepada pemilik tanah. Malah terdapat juga tanah yang dipajak oleh Koperasi tidak dikaveatkan.

s) **Penyelenggaraan Akaun Oleh Koperasi.**

Terdapat tiga Koperasi yang tidak menyediakan rekod terimaan dan perbelanjaan terhadap projek yang dilaksanakan walaupun koperasi berkenaan diaudit dan dipantau oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

## 5.2. Keterangan Oleh KSU KKLW

5.2.1 KSU memaklumkan KKLW menetapkan bahawa KPI pertama bagi Desa Lestari adalah memastikan koperasi yang diperkasakan mampu dan berjaya untuk meningkatkan pendapatan kasar mereka sekurang-kurangnya lima peratus selepas satu tahun beroperasi ataupun dilaksanakan.

Manakala KPI kedua pula ialah KKLW mensyaratkan koperasi berkenaan mampu untuk mewujudkan peluang pekerjaan sekurang-kurangnya 10 peluang pekerjaan baru. Di samping itu, keahlian koperasi mestilah terdiri dari 30 peratus Ketua Isi Rumah (KIR) di sesuatu kampung.

5.2.2 Dari segi pencapaian, KKLW menjelaskan bahawa sebanyak 71 peratus koperasi telah berjaya mencapai KPI berpendapatan kasar sekurang-kurangnya lima peratus selepas setahun beroperasi.

Bagi KPI kedua, KKLW memaklumkan 61 peratus koperasi telah berjaya menawarkan sekurang-kurangnya 10 peluang pekerjaan baru. Di samping itu, 70 peratus koperasi telah mencapai syarat 30 peratus KIR menganggotai koperasi.

5.2.3 KSU KKLW menerangkan mengenai kejayaan empat buah koperasi kepada PAC Parlimen seperti berikut:

(a) Koperasi Desa Bestari Kg. Tellian Tengah dan Ulu Mukah Berhad di Sarawak;
(b) Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Berhad, Kelantan;
(c) Koperasi Bersatu Kg. Suasa Beaufort Berhad, Sabah; dan
(d) Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad, Johor.

5.2.4 Mengenai isu projek gagal, KSU KKLW mengakui kegagalan yang melibatkan 8.6 peratus dari keseluruhan projek dan sedang mengambil langkah untuk memulihkan koperasi berkenaan.

Bagi mengurangkan kegagalan program di masa hadapan, dalam tahun 2017, KKLW akan memilih 25 buah kampung yang memang telah mencipta nama dengan memenangi anugerah di peringkat negeri dan kebangsaan seperti Anugerah Desa Perdana untuk dipilih dalam program Desa Lestari.

5.2.5 Selain itu, Kementerian juga mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat isu bayaran tidak teratur (*improper payment*) dan menambah baik Garis Panduan yang digunakan dalam melaksanakan program ini.

5.2.6 Pada masa yang sama, KSU juga menjelaskan bahwa KKLW juga telah mengambil alih proses perolehan bekalan yang melebihi RM50,000 dan perolehan kerja yang melebihi RM20,000 daripada pihak koperasi bagi memastikan semua prosedur perolehan bagi agensi Kerajaan dipatuhi sepenuhnya.

5.2.7 KKLW juga telah mula mendapatkan semula semua wang yang ditindik (parking) di Agensi-agensi mulai Julai 2017.

5.2.8 KKLW juga telah mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang menyalahgunakan kuasa dan mengarahkan tindakan dan pembaikan segera oleh koperasi bagi kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi.

5.2.9 Bagi peralatan yang tidak digunakan, KKLW telah mengambil tindakan meminta koperasi berkenaan memindahkan peralatan terlibat ke koperasi lain yang memerlukannya.

## 5.3 Keterangan Pengerusi Eksekutif SKM

5.3.1 Dalam pelaksanaan Program Desa Lestari, SKM menjalankan penyeliaan sebagaimana SKM menyelia koperasi-koperasi yang lain. SKM mengadakan lawatan dan sekiranya terdapat pelanggaran Akta Koperasi seperti tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan atau tidak menyediakan akaun, SKM akan membuat teguran dan sebagainya. Walaupun Akta memberi kuasa untuk mendenda tapi ia merupakan langkah terakhir yang akan diambil kerana SKM percaya bahawa koperasi harus dididik dan dibangunkan untuk menjadi satu entiti ekonomi yang besar.

5.3.2 Sebagai langkah pembaikan terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, SKM telah memanggil semua pegawai penyelia di peringkat wilayah dan mengarahkan mereka untuk memantau secara terperinci semua projek dalam Program Desa Lestari. Namun begitu, SKM menghadapi kesukaran sebab dalam waktu yang sama SKM perlu juga memantau semua koperasi yang lain. Terdapat kes di

mana seorang Pegawai Penyelia perlu menyelia 200 buah koperasi dalam kawasannya. Oleh itu, SKM sentiasa bekerjasama dengan KKLW untuk memastikan pemantauan dapat dijalankan dengan berkesan.

# RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Bilangan 16/2017 pada Rabu 25 Oktober 2017

## 6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen secara umumnya, berpuas hati dengan Program Desa Lestari ini kerana ia merupakan hasrat murni Kerajaan hendak membantu penduduk kampung menubuhkan koperasi bagi menjalankan perniagaan. Namun begitu, PAC Parlimen memandang berat terhadap beberapa kelemahan dalam pengurusan Program ini seperti masalah projek gagal dan terbengkalai; perolehan bekalan dan kerja tidak mengikut spesifikasi; salah guna kuasa oleh pegawai serta kurang pemantauan dan tindakan oleh SKM terhadap koperasi yang tidak mematuhi sepenuhnya kehendak Akta Koperasi 1993.

## 7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang dan memastikan peruntukan Kerajaan yang disalurkan kepada koperasi memberikan pulangan dan impak kepada objektif program, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

(i) PAC mencadangkan Kerajaan mengkaji semula pembabitan dua agensi Kerajaan iaitu KKLW dan SKM dalam memantau program Desa Lestari hingga menimbulkan pelbagai kelemahan pengurusan kontrak di kalangan Koperasi. Adalah lebih efisien program Desa Lestasi dipantau serta diuruskan satu Kementerian sahaja.

(ii) KKLW menggunakan dan melibatkan Agensi Kerajaan yang mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam sesuatu industri bagi memberikan khidmat nasihat dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek yang hendak dilaksanakan oleh koperasi;

(iii) SKM perlu lebih tegas dalam menguatkuasakan peraturan dalam Akta Koperasi 1993 terutama terhadap koperasi yang menerima peruntukan Kerajaan dalam menjalankan sesuatu projek;

(iv) PAC Parlimen mahu SKM mengkaji semula perjawatan bagi pegawai yang menyelia Koperasi benar-benar dapat memberikan khidmat nasihat dengan lebih berkesan;

(v) KKLW, SKM dan Jabatan Audit Negara perlu menyelesaikan masalah mengemaskini maklum balas Kementerian kepada 'dashborad' Jabatan Audit Negara dalam masa sebulan.

(vi) PAC Parlimen mahu KKLW mendapatkan semula peruntukan 'parking' yang diletakkan di agensi-agensi KKLW.

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**

# AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- **Bilangan 16/2017 pada Rabu 25 Oktober 2017**

LAMPIRAN A

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BIL. 16/2017 PADA RABU 25 OKTOBER 2017 DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

| TARIKH / HARI / MASA | PERKARA | KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT |
|---|---|---|
| **25 Oktober 2017 (Rabu)**<br><br>**11.00 pagi** | **Program Desa Lestari** | **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)** |

# LAPORAN PROSIDING

- Bilangan 16/2017 pada Rabu 25 Oktober 2017

**Bil. 16**

**Rabu**
**25 Oktober 2017**

**MALAYSIA**

# LAPORAN PROSIDING

# MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Mengenai:**

Program Desa Lestari

- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

## PARLIMEN KETIGA BELAS
## PENGGAL KEEMPAT

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**
**BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA**
**BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**
**RABU, 25 OKTOBER 2017**

---

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

**Hadir**

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

**Tidak Hadir *[Dengan Maaf]***

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

## URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

## HADIR BERSAMA

**Jabatan Audit Negara**

Y. Bhg. Datin Paduka Ang Nai Har [Pengarah Audit (Prestasi)]
Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Audit]
Y. Bhg. Datin Norliza binti Ghazali [Ketua Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Iskandar Amran [Penolong Pengarah Audit]
Puan Nor Azizah binti Ismail [Penolong Juruaudit]
Puan Nor Amrina binti Zerry @ Azhari [Penolong Juruaudit]
Puan Nor Adilah binti Abd Rahman [Penolong Juruaudit]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat)]
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen & Kabinet]

*samb/-*

## HADIR BERSAMA *(samb/-)*

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**
Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas Bahagian Perkhidmatan]
Puan Rohafiza binti Abd Razak [Ketua Penolong Pengarah (K) A4]

**Jabatan Akauntan Negara**
Puan Maslina binti Kamarudin [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Perakaunan Persekutuan)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**
Puan Avelia Othman [Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Wilayah)]

## SAKSI

**Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)**
Y. Bhg. Datuk Borhan bin Dolah [Ketua Setiausaha]
Puan Norison binti Ramli [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)]
Puan Nor Hasnah binti Badroddin [Setiausaha Bahagian]
Encik Zaflin bin Pawanteh [Pegawai Khas]
Encik Safwan bin Ahmad Pauzi [Pegawai Khas]
Encik Mokhtaruddin bin Buang [Ketua Penolong Setiausaha]
Puan Rosmilawati binti Dzulkifli [Penolong Setiausaha]
Encik Baderolhi Sham bin Md. Nor [Juruaudit]
Encik Mohd Zulfahmi bin Othman [Penolong Setiausaha]

**Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**
Y. Bhg. Dato' Dr. Noor Zari Hamat [Pengerusi Eksekutif]
Tuan Haji Badrishah bin Hasan [Pengarah Audit Koperasi]
Tuan Haji Efendee Andu [Timbalan Pengarah]
Encik Ruslan bin Ramli [Ketua Penolong Pengarah]

**Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)**
Encik Norazman bin Othman [Pengurus Besar]
Encik Mohamad Rizal bin Mohd Hidzir [Ketua Audit Dalam]

**Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)**
Tuan Haji Arifuddin bin Habib [Pengurus Besar]
Puan Hajah Noraza binti Arul Basir [Pegawai Tadbir]
Encik Muhamad Ramlan bin Jaafar [Penolong Pegawai Hal Ekonomi]
Tuan Haji Ahmad Shukri Jusoh [Pengurus Perancangan]

# LAPORAN PROSIDING

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
## PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA

**Rabu, 25 Oktober 2017**

**Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,**
**Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.02 pagi**

*[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin* **mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen iaitu Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berbahagia pegawai-pegawai daripada Jabatan Audit iaitu Yang Berbahagia Datin Paduka Ang Nai Har (Pengarah Audit Prestasi), pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan kerajaan, kementerian-kementerian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC serta semua pegawai yang dapat hadir pada pagi ini. Hari ini kita akan memulakan prosiding untuk isu Program Desa Lestari di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Tahun 2016 Siri 1. Pegawai yang hadir pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah (Ketua Setiausaha KKLW) bersama Puan Norison binti Ramli (TKSU Dasar).

Sedikit latar belakang mengenai program ini yang bermula pada tahun 2013 sehingga 2016 sebanyak lapan buah kampung di seluruh negara terpilih menyertai Program Desa Lestari membabitkan peruntukan berjumlah RM114 juta. Apa yang menarik mengenai program ini, semua kampung yang terpilih disyaratkan menubuhkan koperasi yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan bagi tempoh tiga tahun iaitu daripada 2013 hingga 2016 membabitkan 30 kampung dan dengan membabitkan peruntukan RM41.76 juta semua sekali. Jadi eloklah sebelum kita memanggil KSU, kita mendengar taklimat daripada Audit dahulu. Saya persilakan.

**Datin Paduka Ang Nai Har [Pengarah Audit (Prestasi), Jabatan Audit Negara]:** Terima kasih Tuan Pengerusi PAC. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Dato', Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Bersama-sama saya pada pagi ini adalah *team* audit yang bertanggungjawab secara terus terhadap pengauditan Program Desa Lestari ini. Pasukan ini diketuai oleh Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab. Juga bersama saya pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Datin Norliza binti

Ghazali yang akan – Beliau merupakan pegawai daripada Bahagian Susulan Audit yang telah mengemaskinikan status terkini terhadap Program Desa Lestari ini.

*So without further due* Tuan Pengerusi, saya jemput *my officer*, Puan Sabariah untuk *highlight* secara ringkasnya isu-isu yang berbangkit terhadap Program Desa Lestari ini. Okey, dipersilakan.

**Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Audit, Jabatan Audit Negara]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datin Paduka. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan dengan skop audit Yang Berhormat ya. Jadi, daripada 80 buah koperasi yang dianugerahkan untuk menjalankan Desa Lestari, 30 telah diambil oleh Jabatan Audit Negara sebagai sampel iaitu 37.5 peratus Yang Berhormat ya.

Metodologi pengauditan, kita jalankan melalui penyemakan ke atas fail, rekod, dokumen dan analisis pengurusan perolehan dan juga temu bual serta perbincangan dengan pegawai-pegawai yang terlibat Yang Berhormat ya. Jadi, di sini saya hendak baca 16 isu yang kita bangkitkan dan secara terperincinya selepas ini Yang Berhormat ya. Antara isunya yang kita dapati adalah:

(i) berlaku lebihan peruntukan berjumlah RM16.04 juta yang ditindik di agensi-agensi di bawah KKLW;

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab:** Ya, *sort of parking,* ditinggalkan begitu di dalam agensi. Jadi tindik itu bahasa dewan, kamus.

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab:** Bahasa dewan, ditindik.

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab:** Seterusnya:

(ii) 19 projek yang bernilai RM5.32 juta di 12 koperasi didapati gagal dan terbengkalai;

(iii) berlaku *improper payment* yang melibatkan kontrak ditandatangani tanpa kuasa dan projek dilaksanakan tanpa kelulusan yang melibatkan RM1.67 juta;

(iv) terdapat enam perolehan sebut harga yang bernilai RM2.08 juta di tiga koperasi yang telah dipecah kecilkan bagi mengelakkan tender;

(v) didapati 11 perolehan berjumlah RM1.75 juta oleh empat koperasi telah dibuat dengan melantik syarikat yang dimiliki oleh Ahli Lembaga Koperasi sendiri;

(vi) perakuan Siap Kerja telah diperakukan sendiri oleh koperasi;

(vii) didapati tujuh projek yang bernilai RM0.14 juta di tiga koperasi dibuat tidak mengikuti spesifikasi;

(viii) didapati projek lewat disiapkan tetapi tidak dikenakan denda yang berjumlah RM70,000;

(ix) didapati kabin chalet di lima koperasi yang mempunyai harga yang berbeza-beza dengan perbezaannya berjumlah RM0.64 juta;

(x) juru perunding yang tidak bertauliah telah dilantik untuk melaksanakan enam projek yang berjumlah RM1.83 juta di dua buah koperasi;

(xi) empat projek berjumlah RM1.36 juta di tiga koperasi telah dibuat tanpa melantik juru perunding;

(xii) perolehan lebah kelulut yang berjumlah RM4.56 juta telah dilakukan perolehannya secara rundingan terus tanpa kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan didapati tiada perjanjian dilakukan, dibuat di antara KKLW dengan pembekal terlibat;

(xiii) didapati perolehan bagi jentera yang sama dibeli pada harga yang berbeza dengan jumlah perbezaannya sebanyak RM69,300;

(xiv) dua koperasi telah diluluskan perolehan sembilan unit jentera yang terpakai dengan jumlahnya RM1.26 juta;

(xv) sejumlah RM0.39 juta telah dibayar bagi 14 pajakan tanah yang dimiliki oleh ahli keluarga Ahli Lembaga koperasi sendiri

(xvi) didapati tanah yang dipajak tidak dikaveat dan kos penyediaan perjanjian tanah dituntut oleh KEDA tidak diakaunkan di dalam akaun KEDA sendiri.

**■1110**

Jadi itu adalah *highlight* untuk 16 isu Yang Berhormat dan secara terperincinya saya minta ketua pasukan saya, Encik Iskandar untuk meneruskan Yang Berhormat ya. Terima kasih. Sila, Encik Iskandar.

**Encik Mohd Iskandar Amran [Penolong Pengarah Audit]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya *continue* lah dengan isu-isu yang dibangkitkan tadi. Pertama berkenaan tindik peruntukan ataupun parkir. Apa yang berlaku ada lebihan perbelanjaan berjumlah RM16 juta sejak tahun 2013 disimpan ataupun diparkir di agensi. Antaranya di FELCRA ada RM12.5 juta, di RISDA ada RM2.14 juta, di KEDA ada RM700,000 dan di KEJORA ada RM560,000. Makna duit...

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Contoh ada projek-projek yang ditarik balik ataupun di *cancel* ditinggalkan, parkir di situ.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tindik itu apa?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Tindik, parkir. Makna sepatutnya...

**Tuan Pengerusi:** Bahasa baharu kita belajar hari ini.

*[Ketawa]*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Sepatutnya kalau duit perbelanjaan ini kalau tidak habis dia kena pulang baliklah kepada kementerian. Akan tetapi apa yang berlaku...

**Tuan Pengerusi:** Ditindik apa tadi?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Ditindik di agensi-agensi Kementerian Luar Bandar ya. Sehingga maklum balas terkini yang kita terima daripada kementerian, kementerian sudah dapat balik RM3.3 juta daripada FELCRA bayar balik kepada kementerian RM3.2 juta *and then* RISDA RM22,000 dan juga KEDA RM85,000. Dua agensi lain masih tidak inilah, kementerian tidak tuntut lagi. Maknanya apa yang Audit buat ini ada kesanlah yang mana duit yang tidak dibelanjakan dipulangkan balik kepada Federal untuk perbelanjaan yang lainlah.

Kemudian projek gagal ini ya. Projek gagal daripada lawatan Audit, ada 19 projek di 12 koperasi. Makna ada 12 kampung ini yang sudah dibuat, projek-projek ini dipohon oleh koperasi sendiri dan kementerian lulus berdasarkan daya saing yang koperasi sendiri boleh buat. Akan tetapi apa berlaku apabila kita pergi projek siap, barang-barang sudah diberi tetapi tidak dibuat apa-apa. Contohnya di Koperasi Kaban Stass Bau Berhad di Sarawak ini ya. Kos projek ini, projek untuk getah untuk pengumpulan getah. Kos projek RM630,000 *and then* sehingga lawatan Audit daripada tahun 2014 sampailah lawatan Audit tahun 2016 tidak dibuat apa-apa. Projek siap, tempat pengumpulan getah ada semua sekali tetapi tidak diguna.

Seterusnya, saya ambil contohlah, contoh Koperasi Sri Serbang, Bongawan Sabah Berhad. Okey, pusat penyembelihan dan jualan ayam berdaging, RM240,000 yang kita beli *fridge* apa semua sekali tetapi tidak pakai. Kita pergi pun peti sejuk pun masih ada dalam kota lagi ya. *And then* -- seterusnya Projek Kampung Berundong Papar Berhad ya Yang Berhormat di Sabah juga. Projek Mobile Cafe KopieSatu. Sudah beli dan bagi lori apa semua sekali tidak jalan juga ya. Sampai barang-barang yang dibeli pun *expired.*

**Tuan Pengerusi:** Dekat mana ini? Dekat Papar?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Ini di Papar.

**Tuan Pengerusi:** Papar, mana lagi?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Di Sabah.

**Tuan Pengerusi:** Putatan tidak ada?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Putatan tidak masuk ya, sampel sahaja. Di Raub ada. Seterusnya Koperasi Homestay Sungai Pasu di Raub, Pahang ya. Projek ternakan ikan air tawar, apa yang berlaku Tuan Pengerusi, ikan air tawar kita pergi ikan pun sudah tidak

ada dah. Sepanjang tempoh tiga tahun dia masuk ikan, dia tidak pernah pun pergi tengok ikan ada tidak ada. Sebelum kita pergi dia buat laporan polis kata ikan sudah kena curi. Sedangkan kita tengok dalam tempoh dua tahun itu, dia tidak pernah pun pergi tengok ikan.

Kemudian Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Berhad. Dia ada banyak ya. Koperasi ini antara salah satu projek, Projek Kuih Baulu dan Kerisik Kelapa. Mesin ada semua sekali tetapi tidak digunakan langsung. Dua tahun projek tidak jalan. Itu kita syor kalau tidak hendak serahkan kepada pihak lain yang perlukan. Kemudian Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad pun, Kabin Chalet dan Taman Herba nilai projek RM1 juta tidak jalan. *And then,* Projek Semaian Anak Sawit di Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad, RM320,000. Nurseri sudah siap semua sekali tetapi tidak jalan sebab tidak ada lesen daripada MPOB.

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh juallah ya?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** *Yes.* Kemudian Koperasi Kampung Sg. Lang Berhad, ternakan lembu dan kambing. Kami pergi, Audit pergi lembu dan kambing sudah tidak ada dah. Tinggal kandang sahaja dan rekod-rekod jualan pun tidak ada. Rekod jual beli, berapa banyak bayar semua tidak ada.

**Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat) Kementerian Kewangan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Kemudian Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad di Negeri Sembilan, perkhidmatan percetakan cenderamata pun sama tidak digunakan. Koperasi Kampung Seterpa Kota Bharu Berhad, Kelantan. Projek pengangkutan, projek lembah kelulut pun terbengkalai dan koperasi ini dibubarkan dan diambil alih oleh Suruhanjaya sebab dia sama-sama dia bergaduh ya. Ada masalah dalaman SKM ambil alih pentadbiran koperasi.

Koperasi Gemilang Kampung Gebok, Negeri Sembilan, projek katering. Dapur semua ada, RM400,000 *government* belanjakan tetapi tidak pakai. Kemudian projek ternakan ayam di Koperasi Pembangunan Kampung Tersusun Mawai Berhad di Kota Tinggi pun sama ya. Masa kami pergi projek tidak berjalan lagi. Dia ada masalah berkenaan elektrik. Projek sudah siap elektrik tidak ada tetapi dalam masa sama sebab projek ini kita kena *highlight*kan juga *because* semua pihak bagi bantuan kepada koperasi ini. SKM bagi bantuan, kemudian KEJORA sendiri pun bagi bantuan, KKLW pun bagi bantuan. Ada tiga agensi bagi bantuan untuk projek ini.

Dia ada banyak reban ayam, ada 10 reban ayam dan reban ayam ini reban ayam yang tertutup, *aircond*. Yang jalan dua sahaja daripada 10. Okey, seterusnya isu seterusnya berkenaan kontrak ditandatangani tanpa kuasa. Ini bagi projek di KEJORA. Projek kontrak pembinaan reban ayam tadi. Apa berlaku, pegawai yang menandatangani projek bagi pihak Kerajaan Malaysia iaitu Pengurus Besar KEJORA dia tidak diberi kuasa oleh Yang

Berhormat Menteri untuk *sign* kontrak tetapi dia *sign* kontrak bagi pihak Kerajaan Malaysia. And then, seterusnya projek yang sama juga untuk reban ayam ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Ya? Mana Yang Berhormat? Semula tadi. Kontrak yang ditandatangani tanpa kuasa tadi ini, ikut dalam peraturan Akta Kontrak Kerajaan 1949 bawah seksyen 2, kontrak yang ditandatangani bagi pihak Kerajaan Malaysia dalam negara mesti ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri atau pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri. Di peringkat negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada kuasa untuk *sign* tetapi dalam konteks Kerajaan Malaysia di peringkat Persekutuan ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri.

Bagi kontrak ini walaupun dilaksanakan oleh pihak KEJORA sebagai badan berkanun, dia menggunakan templat Kerajaan Malaysia punya kontrak. Disebut dalam kontrak ini perjanjian di antara Kerajaan Malaysia bukan perjanjian di antara KEJORA. Kalau perjanjian di antara KEJORA dengan syarikat tidak ada masalah, Pengurus Besar boleh *sign*. Akan tetapi bila sebut perjanjian di antara Kerajaan Malaysia *that means* kena rujuk balik kepada Akta Kontrak Kerajaan 1949, kuasa itu mesti datang daripada Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri tidak turunkan kuasa kepada Pengurus Besar KEJORA untuk *sign* kontrak tetapi dia *sign* kontrak juga bagi pihak Kerajaan Malaysia. Kesannya sekiranya berlaku apa-apa, *breach of contract* dan sebagainya syarikat boleh saman Kerajaan Malaysia. Akan tetapi apa yang berlaku pegawai ini pun dia tidak ada kuasa untuk bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk *sign* kontrak. Itu kita *highlight*kanlah. Bukan kontrak ini sahaja, ada kontrak-kontrak yang lain pun sama juga dia *sign*.

**Encik Rosli bin Yaakub:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Ya?

**Encik Rosli bin Yaakub:** *Board* ada bagi dia kuasa?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** *Board* tidak ada bagi kuasa.

**Encik Rosli bin Yaakub:** *Board* pun tidak ada.

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Kuasa untuk *sign* untuk KEJORA boleh, tetapi untuk Kerajaan Malaysia tidak ada kuasa. Kerajaan Malaysia mesti balik kepada akta. Seterusnya projek yang sama. Kementerian Luar Bandar luluskan mula-mula dua reban ayam, projek dua reban tetapi kerana kelewatan dan sebagainya kementerian tarik balik jadi satu. Bila tinggal satu KEJORA *continue* buat kontrak untuk dua reban ayam sedangkan lulus satu sahaja. Bila lulus - dia *continue* projek ini tanpa ada kelulusan daripada kementerian menyebabkan kos tadi itu tidak ada orang hendak bertanggungjawab.

**■1120**

Kos ini KEJORA kata KEJORA tanggung kos sedangkan dia guna pakai duit kementerian. Kemudian, tidak ada perjanjian ditandatangani di antara koperasi dengan KEJORA. *So,* tidak ada pihak hendak bertanggungjawab terhadap kos yang dibangunkan tadi.

*Then* seterusnya, Bayaran Pendahuluan 10 Peratus Bagi Perolehan Kenderaan. Dasar kerajaan, kita kena terima barang itu dahulu baru bayar tetapi apa yang berlaku di sini, dia *allow* untuk bagi bayar dulu 10 peratus sedangkan barang-barang tidak diterima lagi. Kecuali kalau dibayar sendiri oleh koperasi tidak ada masalah.

Seterusnya, Pecah Kecil Perolehan. Dalam peraturan kita, disebut bahawa kalau lebih daripada – dalam projek ini, dia bagi keistimewaan projek untuk bawah RM500,000, dijalankan sendiri atau yang dilaksana sendiri oleh koperasi. Maknanya ada kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan tetapi lebih RM500,000, projek tender mesti dilaksanakan oleh agensi ataupun kementerian. Akan tetapi apa yang berlaku dalam projek yang kita lawat ini, di Perlis, di Pahang dan juga di Selangor, nilai projek lebih daripada RM500,000 dipecahkecilkan. *So,* dia buat sebut harga sahaja, tidak melalui tender.

Kemudian, syarikat yang dilantik oleh koperasi adalah syarikat milik ahli keluarga dia sendiri ataupun syarikat ahli lembaga koperasi sendiri. Dalam peraturan dia sudah sebut dah, dia kena buat *open tender* dan sebagainya tetapi apa yang berlaku kita buat semakan lanjut, syarikat-syarikat yang dilantik oleh koperasi ini adalah syarikat yang dimiliki oleh dia sendiri. Dia tidak *declare* dan sebagainya. Itu menyalahi peraturanlah. Kalau dia *declare,* dia bawa masuk dalam mesyuarat agung koperasi, tidak ada masalah tetapi dia tidak *declare* benda ini semua.

*Then*, Kebenaran Merancang bagi projek di FELCRA Lubuk Sireh untuk bina Koperasi, tidak diperoleh. Dia buat dulu, *and then* Kebenaran Merancang kemudian sehingga Laporan Audit, barulah ada Kebenaran Merancang daripada pihak berkuasa tempatan. Ini di Perlis, ya.

Kemudian Yang Berhormat, Sijil Perakuan Siap Kerja. Dalam peraturan yang disediakan oleh kementerian, CPC atau Sijil Perakuan Siap Kerja ini mesti disahkan oleh pegawai bertauliah ataupun pegawai daripada agensi ataupun *engineer,* jurutera yang bertauliah. Apa yang berlaku, semua kerja disahkan sendiri oleh koperasi, bukan oleh pegawai yang dilantik oleh ataupun bukan pegawai daripada kementerian ataupun agensi kementerian. Oleh kerana itu menyebabkan banyak kerja tidak mengikut spesifikasi. Kita ada 220,000 atau 140,000. *Grand total* 360,000 kerja-kerja tidak mengikut spesifikasi tetapi diperakukan oleh koperasi sendiri. Dia ada berkaitan tadi, syarikat dilantik oleh syarikatnya sendiri kemudian dia sendiri mengeluarkan CPC *and then* kerja-kerja tidak siap pun diperakukan sendiri.

Kemudian Yang Berhormat, isu yang kesebelas ini, denda tidak dikenakan. Dalam dia punya surat tawaran, dia ada sebut bahawa sekiranya berlaku kelewatan, kita ada LAD,

denda tetapi apa yang berlaku, kelewatan, koperasi tidak kenakan denda dan agensi pun dia tidak *aware*. Dia lulus, dia bayar *full* sahaja tanpa dia tolak denda dan sebagainya kepada syarikat.

Seterusnya, perbezaan harga yang tidak munasabah kita nampak. Isu ke-12 ini. Koperasi mohon untuk laksanakan projek kabin chalet dan kementerian luluskan. Kementerian meluluskan berdasarkan faktor-faktor tempat dan sebagainya. Apa yang berlaku, kementerian luluskan di setiap tempat ini, kos berbeza dan perbezaan itu agak ketara. Kalau RM1,000 atau RM2,000 kita mungkin boleh terimalah tetapi sedangkan tempat ataupun chalet ini semua sama. Kami pergi di beberapa projek contoh di Pahang sendiri pun– Macam mana hendak buat chalet? Kami masuk dalam chalet ini pun, dia punya lantai, lantai *plywood.* Jadi kalau orang hendak sewa chalet tengok lantai *plywood*, jalannya pun bergoyang, saya rasa tidak sesuailah. Sepatutnya dia kena ubah sedikit, lantai kena pakai lantai simen dan sebagainya supaya *stable*. Okey, ini antara projek-projek yang kabin chalet pun tidak jalanlah, tidak berjayalah.

*Then,* pelantikan perunding. Dalam peraturan yang disediakan oleh kementerian dan dia ada MoU antara kementerian dengan koperasi, okey semua projek dia kena lantik juru perunding yang bertauliah. Apa berlaku, projek-projek yang dilaksanakan oleh koperasi, juru perunding bukan juru perunding bertauliah, bukannya– dia lantik syarikat-syarikat yang biasa inilah. Kemudian syarikat ini mengesahkan bahawa kerja-kerja siap dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat, panjang sikit Yang Berhormat. Projek Perolehan Lebah Kelulut. Ini di peringkat awal, Kementerian Luar Bandar dia ada satu jawatankuasa dia luluskan – koperasi laksanakan projek lebah kelulut. Nilai projek RM4.56 juta. Dia lantik satu syarikat, syarikat Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. di Perak ini tetapi kementerian tidak susulkan dengan Kementerian Kewangan untuk dapatkan kelulusan khas untuk buat rundingan terus. Apa yang berlaku, projek ini secara rundingan terus tanpa dapat kelulusan Kementerian Kewangan, kemudian kementerian tidak buat apa-apa perjanjian. Hanya ada MoU sahaja dan dalam MoU ini, dia sebut MoU ini tidak mengikat kementerian. Kementerian tidak boleh ambil apa-apa tindakan. Sepatutnya kita kena *proper* satu kontrak, ada obligasi dalam kontrak kalau berlaku apa-apa, kementerian boleh ambil tindakan dan sebagainya, *no,* tidak ada. Tidak ada apa-apa perjanjian, hanya MoU dan MoU yang saya sebut, dia sebut dalam itu, MoU ini tidak mengikat apa-apa tindakan undang-undang antara kementerian dengan syarikat.

*So*, seterusnya Yang Berhormat, Perolehan Kenderaan Melebihi Harga Pasaran.

*Then* kita ada Perolehan Jentera yang Sama Pada Harga Berbeza. Ini dia beli JCB *Backhoe.* Isu ke-16. Kami pergi melawat di setiap Koperasi ini, *backhoe* yang sama, syarikat pembekal yang sama, tetapi harga berbeza. Pembelian pada tahun yang sama, bukan kerana ada GST dan sebagainya, *no.* Semua sama, harga beza-beza, syarikat pembekal

yang sama. Dalam jawapan Koperasi, dalam jawapan kementerian dia kata ada tambah aksesori dan sebagainya, kami tengok semua benda yang sama.

Kemudian, Perolehan Jentera Terpakai di tiga Koperasi: Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang; Koperasi Parit Tujuh Sekinchan Bhd. *and then;* Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1. Dasar kementerian, dasar kerajaan, kita tidak beri kenderaan terpakai tetapi kementerian luluskan, dia beri kepada koperasi ini kenderaan terpakai sehingga apa yang berlaku, contoh di Koperasi Parit Tujuh Sekinchan Bhd., dia beri kenderaan terpakai kepada koperasi, kemudian hak milik kenderaan tidak tukar nama, masih lagi *first owner.* Sedangkan kenderaan itu sudah tiga kali tukar nama. Ada tiga kali pembeli, pembeli baru. Koperasi pun terima. *Last* bila terima, dalam masa setahun, kenderaan rosak, tidak boleh pakai. Jual balik, rugi.

*Then,* tadi kita tengok projek gagal. Ini isu yang ke-18 ini, peralatan tidak digunakan. Banyak peralatan yang dibeli kita beri, tetapi tidak digunakan dengan pelbagai alasanlah. Termasuk ada satu Koperasi Sungai Lang Berhad. Dia kata hendak buat bunga, bunga plastik dan sebagainya, kami pergi pun, projek tidak berjalan dan bila ada tempahan yang banyak pun, dia kata dia tidak mampu hendak buat dan sebagainya.

Kemudian, isu Pajakan Tanah. Kita ada banyaklah projek pajakan tanah ini. Pajakan tanah dimiliki oleh ahli lembaga koperasi sendiri. Sepatutnya dia kena uar-uarkan kepada masyarakat kampung dan sebagainya *because* bila pajak, kerajaan bayar kos pajakan ini. Kemudian, apa yang berlaku juga, setelah dipajak, kerajaan tidak kaveat tanah ini. Contoh, kita buat satu *homestay,* contoh di Banghuris, kerajaan bagi dia, dia buat sepuluh *homestay* atas tanah dia sendiri, kemudian kerajaan tidak kaveat. *So* apa-apa berlaku dalam tempoh pajakan ini kalau katalah dia boleh jual tanah itu dan sebagainya, *so* tidak ada apa-apa yang mengikat kepentingan kerajaan di situ.

Kemudian, kita ada satu lagi isu, isu pajakan tanah juga. Isu pajakan tanah di KEDA, ada sebuah Koperasi. Pegawai KEDA sendiri Ketua Integriti, dia keluarkan satu surat kepada koperasi untuk buat bayaran terhadap penyediaan perjanjian antara KEDA dan juga koperasi tetapi bayaran itu tidak diakaunkan ke akaun KEDA dan kita *interview* dengan koperasi, koperasi kata bayar sendiri kepada pegawai sendiri, Ketua Unit Integriti. Kalau kita tengok dalam akaun KEDA, tidak ada apa-apa terimaan dibuat. Ini proses dalam tindakan. Nanti kita boleh tanya dengan kementerian apa tindakan terhadap pegawai ini.

**■1130**

Yang terakhirnya berkenaan dengan penyelenggaraan akaun oleh koperasi. Seperti mana yang sebut tadi saya ambil beberapa contoh. kita pergi tengok akaun koperasi tidak diuruskan dengan betul. Sedang koperasi ia ada Suruhanjaya Koperasi yang memantau dan ia ada audit sendiri oleh koperasi.

Saya mengambil contoh tadi isu di Koperasi Sungai Lang. Apa berlaku ia jual 250 ekor kambing dan 100 ekor lembu tetapi tidak ada rekod. Dalam mesyuarat agung, akuan koperasi diluluskan oleh audit koperasi, audit SKM. Sedangkan rekod jual beli tidak ada. Kita buat *calculation* berdasarkan harga pasaran lembu RM3,000 atau RM4,000 seekor dengan kambing ada lebih kurang RM500,000 transaksi tetapi tidak ada dalam rekod.

Itu kita kena tanya balik apa SKM, macam mana audit SKM boleh luluskan? Rekod jual beli tidak ada. Itulah Yang Berhormat antara isu-isu yang kita bangkitkan.

**Tuan Pengerusi:** Apa ini?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Suruhanjaya Koperasi.

**Tuan Pengerusi:** Ada hari ini?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Ada dia ada datang juga.

Itu Yang Berhormat antara isu-isu yang..

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Boleh bangkitkan berkenaan *parking* tadi. Ini sebab ada beberapa agensi yang kita batalkan projek, koperasi dibatalkan ditarik balik tapi duit itu ada lagi di agensi. Kenapa tidak dikembalikan balik kepada kementerian?

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ini KKLW kah?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** KKLW. Okey, dia *joint venture because*...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Koperasi di bawah SKM dalam projek Desa Lestari di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tetapi diberi syarat setiap kampung, ia melalui kampung. Setiap kampung yang mendapat geran projek Desa Lestari mesti tubuhkan koperasi untuk dia -- sebab kalau tidak dia tidak boleh hendak monitor dan ia bagi geran ia susah hendak monitor *that's why* ia suruh tubuhkan koperasi supaya dalam masa yang sama geran tadi dibagi untuk di-*generate*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Geran daripada siapa? Geran daripada SKM atau daripada KKLW?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Daripada KKLW.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Duit kerajaanlah.

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Duit kerajaan daripada KKLW, KKLW bagi kepada kampung *and then* kampung ditubuhkan koperasi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Koperasi di bawah seliaan SKM.

**Encik Mohd Iskandar Amran:** SKM. SKM di bawah KPDNKK.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ada dua kementerian sekarang inilah.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat...*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** SKM dalam perkara ini, mereka hanya bantu menubuhkan koperasi, itu sahaja.

**Encik Mohd Iskandar Amran:** SKM bantu tubuh koperasi dan ia ada pegawai pembangunan koperasi. Dia buat penyeliaan, dia bantu macam mana hendak *upgrade* lagi, hendak kembangkan. Itu antara peranan SKM lah dan dalam masa yang sama dia buat mesyuarat agung *and then* ada akaun dia kena diaudit dan sebagainyalah.

**Tuan Pengerusi:** Saya nampak bila modul itu tidak berapa betul maknanya koperasi ditubuhkan kerana projek ini sahaja. Jadi dia tidak ada pengalaman, tidak ada pengurusan, tidak ada persefahaman di antara ahli-ahli lembaga pengarah.

Oleh kerana ditubuhkan kerana untuk projek ini. Kalau koperasi itu sudah *established*, sudah lama – beri projek ia ada boleh ..

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, kelemahan projek ini... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Kalau untuk pengetahuan Yang Berhormat yang kementerian dia panggil satu bahagian yang terlibat ini Bahagian Pembangunan Ekonomi Desa. Kemudian yang buat Program Desa Lestari ini untuk dia pantau 80 koperasi sebab ia *continue* – ada koperasi baharu dan sebagainya.

Cuma ada lima orang sahaja. Lima orang ini, dia kena monitor, dia kena pantau. Itu sahaja kata sepatutnya kementerian kena *deploy* balik, semak balik – perjawatan yang sedia ada di kementerian-kementerian ini, ia ada banyak program mungkin ia boleh -- ini sebab kalau dia hendak program ini dijalankan dengan bagus mesti ada – *monitoring* ini orang hendak memantau mesti ramai. Kalau kita ada lima orang saya hendak pantau satu Malaysia 80 koperasi dan ada koperasi baharu yang akan dilantik untuk tahun ini 2017 dan seterusnya tidak berdaya dia orang ini.

Selain daripada tadilah pemantauan daripada SKM *even* kementerian sendiri. Sepatutnya kalau – sebelum diwujudkan koperasi dia kena *train* dulu ataupun bagi peluang dia berniaga yang kecil-kecilan dalam tempoh enam bulan kah barulah dia bagi peruntukan yang besar.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, memang matlamat kerajaan cukup murni sekalilah untuk membantu orang kampung menubuhkan koperasi, menjalankan perniagaan. Akan tetapi, kita tengok di sini cara Suruhanjaya Koperasi menjalankan penyeliaan ada banyak lemah di sinilah.

Pertama, kemungkinan mereka hendak kalau boleh ada peruntukan belanjakan, belanjakan. Maknanya dia tidak ada membuat satu penyeliaan yang rapi bagi memastikan satu-satu permohonan itu memang ada ketepatan dia dan ada betul-betul memerlukan.

Saya tengok banyak permohonan dikatakan hendak pelihara ikan. Beli ikan, beli ikan – tiga tahun tidak *check* sekarang sudah tidak ada. Ikan pun pandai lari Tuan Pengerusi, *[Ketawa]* ikan pun pandai lari, ikan pun pandai merajuk.

Jadi maknanya penyeliaan tidak ada – pertama sekali kita hendak tengok bagaimanakah keputusan dibuat oleh pihak koperasi sebelum meluluskan apa-apa juga permohonan untuk apa-apa projek.

Macam buat chalet, *how can we accept a chalet having* lantai dengan *plywood*? Kalau saya hendak tidur saya pun takut. Apa lagi bawa isteri kita takutlah. Betul tak? Nanti tengah tidur jatuh. Mana boleh lantai dengan *plywood. [Ketawa].*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tidak boleh goyang pun. *[Ketawa].*

Jadi kita tengok macam ini banyak kelemahan berlaku – *just because I want to spend the money. You know for that matter I have got to perform my KPI, you know? That is very wrong.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Pegawai dia hendak *cover* banyak koperasi bukan setakat satu koperasi yang baharu ini sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Berapa orang seorang?

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Dia ada dua atau tiga orang lah di setiap daerah.

**Tuan Pengerusi:** Okeylah, boleh kita panggil.

**Datin Norliza binti Ghazali [Ketua Penolong Pengarah Audit, Jabatan Audit Negara]:** Assalamualaikum Yang Berhormat Tuan Pengerusi, cumanya saya *just* hendak memaklumkan yang setelah keluarnya laporan Ketua Audit Negara ini memang kita nampak ada beberapa isu melibatkan isu punitiflah.

Kemudian itu pada 30 Ogos, memang ada Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengarahkan untuk diadakan satu – menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman di peringkat kementerian dan juga SKM sendiri.

Jadi kita baru sahaja menerima sebenarnya laporan siasatan tersebut dan kita nampak macam seolah-olah tidak ada apa yang berlakulah. Dalam ini mengatakan bahawa tidak ada salah laku padahal kita nampak ada unsur-unsur *improper payment.*

Jadi yang ini kemungkinan kita akan bawa baliklah kepada JPA mungkin untuk menubuhkan Jawatankuasa Siasatan. Mungkin ada daripada JPA di sini?

**Tuan Pengerusi:** JPA.

**Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas Bahagian Perkhidmatan, JPA]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, laporan Siasatan Dalaman memang kita telah hantar kepada -- kita minta – *actually* di peringkat JPA tidak semua yang teguran tadi di-*cover*-lah oleh Jawatankuasa

Siasatan yang ada beberapa belas sahaja ini. Kami telah diminta untuk *cover* lima teguran dan daripada lima teguran itu ada beberapa peringkat. Ada di-*cover* oleh Jawatankuasa Siasatan di peringkat JPA sendiri, ada yang di-*refer* kepada SPRM dan ada yang di-*refer* kepada pihak SKM untuk siasatan.

Ini sebab seperti Tuan Pengerusi sedia maklum, kita akan ada – *we cannot go to* SKM *level* untuk koperasi *because of* kita punya perbezaan *legal jurisdiction* kita. Kita tidak boleh masuk.

**■1140**

**Puan Eizan Azura binti Zainudin:** *Because they are not Federal. They are* Badan Berkanun.

**Tuan Pengerusi:** Ia Suruhanjaya?

**Puan Eizan Azura binti Zainudin:** Ya, Suruhanjaya. *So, the most we can do that we asked them to set up their own* Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) *and* —itu yang Datin *refer* tadi siasatan yang mereka lakukan. *But, on JPA side* ada pegawai yang dikenal pasti.

**Tuan Pengerusi:** Oh ada?

**Puan Eizan Azura binti Zainudin:** Ya.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

*[Saksi dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Puan Norison binti Ramli, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU), Yang Berbahagia Dato' Dr. Noor Zari Hamat, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Pegawai-pegawai dan kakitangan daripada SKM. Terlebih dahulu bagi pihak PAC, kita mengucapkan ribuan terima kasih kerana dapat mengadakan prosiding terhadap Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Terima kasih kerana dapat hadir untuk menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan beberapa perkara.

Semoga dengan penjelasan ini dapat kita melaporkan semula kepada Parlimen berhubungan apa juga tindakan serta isu-isu yang telah dibangkitkan itu sama ada sudah selesai tindakan dan sebagainya. Jadi, eloklah kita mendengar sedikit penjelasan daripada kementerian-kementerian yang berkenaan dan kita minta penjelasanlah daripada dua

kementerian penting iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan juga daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Silakanlah. Datuk.

**Datuk Borhan bin Dolah [Ketua Setiausaha, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam Negaraku Malaysia. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk, Dato', Tuan-tuan, Ahli PAC, Pegawai-pegawai. Kalau boleh diizinkan Tuan Pengerusi, saya jelaskan sedikit tentang apa itu Desa Lestari ini. *So, that* kita faham dan kemudian boleh kita bincang kalau ada beberapa perkara yang Ahli PAC perlukan penjelasan daripada pihak kitalah, Tuan Pengerusi.

*So, next* slaid Tuan Pengerusi dengan izin. Seperti kita sedia maklum bahawa kita mula memperkenalkan Program Desa Lestari ini pada tahun 2013 dan ini merupakan inisiatif di bawah *Government Transformation Program 2.0* yang mana kita senaraikan di bawah NKRA di bawah apa yang kita namakan pada masa itu di bawah *21st Century Village* dengan menggunakan ataupun mengguna pakai transformasi luar bandar melalui platform koperasi. Maknanya *cooperative driven* dalam hal ini.

Seperti kita sedia maklum bahawa hasrat kita semasa kita mula memperkenalkan Desa Lestari ini adalah untuk mengupayakan komuniti dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek-projek pembangunan di desa dan perancangan-perancangan projek ini kita laksanakan melalui koperasi. Kita dalam masa yang sama juga, kita turut bekerjasama baik dengan pihak koperasi untuk memperkasakan koperasi itu sendiri. Di samping itu juga, fokus kita adalah kepada aktiviti-aktiviti ekonomi dan keusahawanan penduduk kampung seperti saya sebut awal tadi adalah melalui koperasi. Di mana kita membuka peluang-peluang pekerjaan baru kepada penduduk kampung kerana ini di bawah transformasi luar bandar kitalah.

Kita menggunakan garis panduan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada Mei 2013 dan juga SPP Bil.3/2014. Dari segi status pelaksanaan semasa kita mula tahun 2013 sehingga 2016, dia merangkumi tempoh audit yang di audit. *So*, saya ambil tempoh itu 2013 hingga 2016 – 80 buah kampung telah kita pilih sebagai Desa Lestari dengan perbelanjaan lebih daripada RM114 juta. Kampung-kampung sektor itu ada. Sektor perkhidmatan pelancongan desa, penternakan, peruncitan, pembuatan pertanian yang mana dominan dari segi sektor adalah dua sektor utama perkhidmatan dan juga pelancongan desa. Lain-lain itu agak minima.

Kita menetapkan KPI bagi Desa Lestari ini kita pastikan bahawa koperasi yang kita perkasakan ini mampu dan berjaya untuk meningkatkan pendapatan kasar mereka sekurang-kurangnya lima *percent* selepas satu tahun beroperasi ataupun dilaksanakan. Satu lagi KPI kita ialah kita mensyaratkan sekurang-kurangnya koperasi ini mampu untuk mewujudkan peluang pekerjaan sekurang-kurangnya 10 peluang pekerjaan baru. Syarat

koperasi pula mesti 30 *percent* daripada ahli atau ketua isi rumahnya menganggotai koperasi dalam kampung itu.

*Next*, ini adalah *indicator* pencapaian kita Tuan Pengerusi dan juga Ahli PAC. Kita dapati bahawa 41 daripada 57 –ini sehingga 2016 yang kita dapat nilai. Maknanya yang koperasi yang terakhir itu ialah koperasi 2015 dan tahun kita nilai 2016. *That is why* jumlahnya pada masa itu hanya 57 sahaja. 2016 yang kita wujudkan jadi total 80 belum dapat kita nilai kerana ia akan menjangkau pada tahun 2017. Jadi, kalau kita tengok di situ 71 *percent* lebih daripada koperasi telah berjaya mencapai KPI yang kita tetapkan iaitu berpendapatan kasar sekurang-kurangnya lima *percent* selepas tahun pelaksanaan. 61 *percent* lebih telah berjaya menawarkan sekurang-kurangnya 10 peluang pekerjaan baru.

Juga, dari segi itu rekod pendapatan kita RM1.7 juta, RM9.9 juta dan RM13.4 juta mengikut tahun dan dari segi keanggotaan kita dapati bahawa hampir lebih 70 *percent* daripada koperasi telah mencapai syarat kita 30 *percent* daripada Ketua Isi Rumah (KIR) itu yang menganggotai koperasi.

**■1150**

Elok juga Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, ahli-ahli mesyuarat yang ini, saya tunjukkan sedikit, paparkan *the success story* kitalah. Orang kata cerita-cerita berjaya, kejayaan-kejayaan tentang kampung-kampung desa ataupun Desa Lestari kita ini. Saya ada empat kejayaan yang kita taburkan mengikut negeri lebih kurang. *So*, kampung yang pertama adalah Kampung Tellian di Mukah, Sarawak. Ini kita mulakan pada tahun 2013 dengan penduduknya 1,200 orang dan koperasinya adalah koperasi kampung itulah, Tellian Tengah dan juga Ulu Mukah Berhad. Kita dapati bahawa keanggotaan koperasi 51.3 *percent* yang ketua isi rumahnya dan pendapatan kasar mengikut tiga tahun itu, kita nampak banyak peningkatannya. Ini satu kejayaannya dan koperasi ini terlibat dengan perkhidmatan pengangkutan. *Next slide* kita akan tunjukkan, *these are the businesses* yang dibuat oleh – *next slide, please.* Okey, inilah *business* perkhidmatan pengangkutan yang dibuat oleh koperasi ini yang mana pengangkutan banyak adalah berkaitan dengan rumbia dan juga arang batu. *So*, dia ada satu lori berkren dan 10 unit lori 20 tan. *So*, ini kejayaan yang kita dapat bagi Kampung Tellian ini.

*Next*, satu lagi *success story* yang saya hendak tunjuk adalah di Paloh, Gua Musang. Ini berkaitan, koperasi ini berkait dengan perkhidmatan jentera dan juga penternakan. Ia mampu mewujudkan 18 peluang pekerjaan baharu bagi penduduk setempat dan juga pendapatan kasar kalau kita tengok juga meningkat saban tahun. Juga hampir 100 peratus, maknanya 100 peratus daripada keanggotaan koperasi itu adalah daripada ketua isi rumah yang berjumlah 2,500 orang tetapi ketua isi rumahnya 320 orang. Satu kampung itu adalah koperasi. Ini yang kita dapat satu kejayaan di Kampung Paloh, Gua Musang. *Next*. Ini adalah urusan program ataupun projek mereka. Sewaan jentera perladangan di mana ada

dua unit *backhoe* dan sebagainya, lori dan juga *pickup truck*. *So* pekerjaan. *Okay, next*. Ini kejayaan – Ini satu lagi, mereka juga, mereka buat dengan penternakan kelulut. Tuan Pengerusi, satu-satu Desa Lestari ini ia tidak terikat dengan satu projek sahaja. Dia boleh jadi pelbagai projek, satu projek, dua projek, boleh jadi tiga projek dan sebagainya. *So* bagi Kampung Paloh tadi, inilah satu lagi projek ekonomi mereka ialah berkait dengan penternakan lebah kelulut.

*Okay, next* kejayaan. *Success story* kita yang ketiga ialah Kampung Suasa di Sipitang, Sabah. Ini saya pun pernah sempat melawat kampung ini. Kita dapati bahawa kejayaan kampung ini dia terlibat dengan pelancongan desa (*rural tourism*) dan juga penternakan kerbau. Pendapatan mereka pun bagus dan juga dari segi ketua isi rumah yang menganggotai koperasi juga pada tahap 67 *percent*. Kita *next*, inilah projek mereka, pelancongan *rural tourism*. Kalau di Sabah ini, dia terkenal dengan *proboscis monkeys* dan juga penternakan kerbau. Ini yang saya katakan tadi. *Next*.

*The last success story* yang saya, kami ingin paparkan berkaitan dengan Desa Lestari ini adalah Kampung Sri Gunung Pulai di Johor. Ini juga berkaitan dengan pelanconganlah oleh sebab ada gunung dan juga ada Gunung Pulai dan juga ada air terjun di sana. Di sini peluang pekerjaan yang diwujudkan untuk penduduk setempat adalah 34 peluang pekerjaan dan juga pendapatan kasar daripada urusan ini juga menariklah dengan 37 *percent* daripada ketua isi rumah itu adalah ahli dan juga anggota koperasi. *Next*. Ini adalah gambaran di mana mereka membuat chalet, *homestay* dan sebagainya bagi menjana pendapatan bagi Desa Lestari ini. *Next*.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, kita sedia maklum bahawa pengauditan telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara ke atas KKLW bagi Projek Desa Lestari ini bermula daripada Disember 2016 sehingga Mac 2017. Kita juga dimaklumkan dalam laporan itu bahawa walaupun *statement* awal pihak Jabatan Audit, laporan audit telah menyatakan bahawa Program Desa Lestari ini telah berjaya meningkatkan peluang pekerjaan dan penjanaan ekonomi kepada komuniti kampung secara keseluruhannya, walau bagaimanapun, masih terdapat ada yang kurang memuaskan dalam pelaksanaan projek, pemantauan dan juga pentadbiran kontrak kita. Keseluruhannya hanya 30 daripada 80 koperasi kita telah dipilih bagi tujuan pengauditan yang melibatkan 22 projek.

Cuma saya hendak tekankan di sini, daripada 30 koperasi daripada jumlah keseluruhan 80 dan juga 222 projek, hanya 19 projek sahaja di 12 koperasi iaitu 8.6 *percent* sahaja yang didapati gagal oleh pihak Audit. *So* kegagalan itu kita akui, tetapi angkanya kepada kita ialah dan kita *take note* yang ini bahawa kita mengambil langkah. Di sebelah kanan sini adalah penemuan Audit, saya ringkaskan kepada lapan iaitu lebihan peruntukan, projek gagal, *improper payment*, isu-isu yang melibatkan perolehan kerja, perolehan lebah

kelulut dibuat secara runding terus, peralatan yang tidak digunakan, pajakan tanah dan juga elemen-elemen pemantauan yang dianggap masih longgar lagi kepada projek-projek ini.

*So next* Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC, kita telah pun mengambil tindakan. Saya ringkaskan kepada enam sahaja tindakan-tindakan yang kita ambil di mana secara *detail*-nya saya akan bersama dengan pegawai-pegawai yang akan membantu menjawab apakah setiap isu yang akan dibangkitkan. Secara keseluruhannya, kita telah menubuhkan jawatankuasa siasatan dalaman bagi isu-isu *improper*, yang tidak betul yang melibatkan pegawai-pegawai kita dan juga kita juga telah menambah baik garis panduan kita dalam kita melaksanakan program kita ini. Juga mana yang ada wang-wang tindik yang patut dipulangkan pun telah pun kita laksanakan pemulangannya secara penuh pada mulai Jun yang lalu. Juga kita juga telah mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai yang menyalahgunakan kuasa dan juga mengarahkan tindakan-tindakan dan pembaikan segera oleh koperasi bagi kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi. Ini saya berurusan dan juga memang bekerjasama rapat dengan sahabat saya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu Yang Berbahagia Dato' Dr. Noor Zari di sebelah saya ini. Memang kami bekerja rapat dengan koperasi bagi meningkatkan mana kekurangan-kekurangan yang ada dalam kita melaksanakan. Ini kerana kejayaan kita Desa Lestari juga banyak bergantung kepada sejauh mana kita sama-sama dapat membantu dan mengusahakan daripada sahabat saya di Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi menangani isu-isu yang di luar bidang kita yang berkaitan dengan koperasi.

Akhir sekali, mana-mana tadi ada teguran mengatakan bahawa ada peralatan-peralatan yang tidak kita gunakan, tidak digunakan oleh koperasi telah kita ambil tindakan pemindahan peralatan-peralatan yang tidak digunakan. Secara keseluruhannya, itu sahaja Tuan Pengerusi yang saya hendak bentangkan mengenai Desa Lestari kita. *So*, kita bukalah. Terima kasih banyak, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Datuk. Ada daripada koperasi ada hendak apa-apa? Suruhanjaya Koperasi Malaysia, ada? Ya.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat [Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Datuk, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Dalam hal ini, mungkin kita boleh memberi sedikit gambaran tentang kedudukan koperasi dan juga peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam konteks permohonan koperasi secara keseluruhannya. Pada masa ini, kita mempunyai sebanyak 13,700 koperasi yang berdaftar di Malaysia ini. Peranan SKM dalam konteks ini adalah sebagai *regulator* kepada koperasi-koperasi tersebut. Kita membuat pendaftaran kepada penubuhan-penubuhan koperasi baharu dan seterusnya kita menyelia koperasi tersebut dalam konteks Akta Koperasi 1993.

**■1200**

Dalam satu lagi fungsi besar SKM adalah dari segi untuk melihat koperasi-koperasi ini membangun dan dalam konteks hubungan Projek Desa Lestari ini adalah merupakan satu yang sangat kita alu-alukan kerana kita juga ingin melihat koperasi boleh menjadi satu entiti ekonomi bukan sahaja setakat entiti sosial yang boleh menggerakkan pembangunan ekonomi secara kolektif.

Dalam konteks perjalanan projek ini, apa yang dilakukan oleh SKM adalah kita menjalankan penyeliaan sebagaimana kita selia koperasi-koperasi yang lain. Kita mengadakan lawatan dan sebagainya dan sekiranya terdapat perkara-perkara yang agak bercanggah dengan Akta Koperasi 1993 itu kita akan membuat teguran dan sebagainya. Mungkin dalam proses tersebut ada koperasi yang tidak menjalankan mesyuarat agung tahunan dan sebagainya ataupun tidak menyediakan akaun kita akan membuat teguran supaya mereka melakukan penambahbaikan.

Adalah agak – walaupun akta menyatakan bahawa kita boleh mengambil tindakan mendenda dan sebagainya saya rasa itu adalah merupakan langkah terakhir yang kita ambil. Sebab kita percaya bahawa koperasi harus dididik, dibangunkan untuk menjadi satu entiti ekonomi yang cukup besar.

Justeru itulah kita telah meminta ekoran daripada Laporan Audit ini kita telah pun menjalankan satu langkah dengan memanggil semua pegawai-pegawai penyelia di peringkat wilayah sebab penyeliaan dilakukan oleh pegawai-pegawai penyelia di peringkat wilayah untuk memantau secara terperinci projek-projek ini. Ini kerana kita tidak mahu supaya perkara-perkara yang tidak sewajarnya berlaku. Akan tetapi dalam konteks ini tugasan kita adalah menyelia koperasi sepertimana kita menyelia koperasi-koperasi yang lain juga. Sebab SKM sendiri pun mempunyai bantuan-bantuan khas kepada koperasi tersebut dan kita sentiasa bekerjasama dengan pihak KKLW dalam konteks ini.

Cuma satu isu yang mungkin boleh kita ambil perhatian di sini adalah setengah-setengah kawasan itu tugasan penyeliaannya agak besar kerana ada sampai seorang pegawai penyelia harus menyelia sekitar 200 buah koperasi. Ini adalah merupakan satu tugasan yang amat mencabar jugalah.

Sebab entiti koperasi ini ia berbeza daripada Sendirian Berhad, itu yang harus kita lihat juga. Saya rasa perkara itu dulu setakat ini.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Cuma dari segi koperasi yang gagal itu koperasi baru ditubuhkan untuk projek ini ataupun koperasi yang sudah *establish* dapat projek, itu yang kita hendak tengok. Makna koperasi itu sudah lama dapat projek, koperasi tubuh hendak dapat projek. Dia ada dua kaedah. Kadang-kadang orang kampung biasalah kita Ahli Parlimen inikan, awak tubuhlah koperasi, ini hendak dapat projek.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Tuan Pengerusi dia ada dua-dua kombinasi. Walaupun ada koperasi itu sudah memang *establish* lebih awal daripada program kita tetapi gagal juga. Ada juga yang gagal. Saya tidak kata mereka gagal keseluruhannya. Macam saya kata tadi satu-satu koperasi ini terlibat dengan dua tiga projek kita tetapi dia gagal mungkin kelulut sahaja, tetapi penternakan, pengangkutan, perkhidmatan dia berjaya.

Saya kalau dikatakan gagal di situ ataupun berlaku ketidakbetulan dalam urusan ini, kadang-kadang kerana bukan soal faktor mereka baru atau lama. Kadang-kadang koperasi itu lama Tuan Pengerusi, telah lama wujud telah *establish* tetapi oleh sebab berlaku pertukaran kepimpinan, kadang-kadang berlaku di situ kita kata ada gangguan kepada projek kitalah. Saya ambil contoh katakan projek saya tanam jagung di tanah – masa itu saya pengerusi koperasi, saya *allow* tanah saya yang tidak diguna itu untuk di ini. Akan tetapi bila orang jatuhkan saya sebagai pengerusi, pengerusi baru saya *stop* ataupun pengerusi yang baru kata tidak payahlah di tanah itu kita cari tanah lain untuk buat projek ini. Jadi di situ ada berlaku gangguan kepada projek kita.

Satu lagi ialah kita juga berhadapan – yang ini saya kita *work closely* dengan Suruhanjaya Koperasi (SKM), ada koperasi Tuan Pengerusi, yang Tuan Pengerusi mungkin lebih ariflah dengan suasana di kampung ini, yang mana pengerusinya kalau pengerusinya juga adalah pengerusi JKK kampung kita selamat juga. Akan tetapi kalau pengerusi koperasi orang lain, pengerusi JKK orang lain kadang-kadang ada *rivalry*-lah dalam desa itu. Jadi kita kena berhadapan dengan situasi ini.

Menjawab soalan Tuan Pengerusi tadi sama ada, adakah koperasi yang katakan yang baru juga ada yang gagal, mungkin ada. Memang ada kerana kita mensyaratkan mereka kalau projek ini mahu dibuat di kampung itu, di kampung yang terpilih, desa yang terpilih dia mesti ada koperasi. *So* kita akan gunakan platform koperasi ini, *so* baru ditubuhkan.

Jadi masa itu mungkin ada dalam proses satu tahun, dua tahun itu terkial-kiallah untuk ini dan mungkin di situ wujud kelemahan bila mana dia masih baru, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Satu sahaja Tuan Pengerusi. Koperasi di bawah KPDNKK. Jadi dalam konteks ini koperasi sekarang bekerjasama dengan KKLW. Ada juga koperasi yang bekerja dengan kementerian MPIC, koperasi macam Sawit Mampan, koperasi ini. Akan tetapi tiap-tiap kementerian ada dia punya cara pentadbiran dia. Jadi adakah koperasi sekarang tertakluk kepada apa juga peraturan-peraturan yang digariskan oleh kementerian-kementerian yang di mana dia di bawah – koperasi itu di bawah kementerian tersebut. Sama ada KPDNKK kah, KKLW ataupun MPIC.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Izin saya untuk menjawab Tuan Pengerusi. Semua koperasi di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Koperasi 1993 yang diletakkan di bawah

Suruhanjaya Koperasi Malaysia, agensi di bawah KPDNKK. Semua koperasi tidak kiralah dia Koperasi Sawit Mampan atau koperasi yang ditubuhkan di bawah mana-mana agensi sekalipun ia tertakluk kepada akta yang sama atau Akta Koperasi 1993.

Pada masa yang sama koperasi boleh mengadakan undang-undang kecilnya sendiri. Dalam undang-undang kecilnya itu koperasi boleh menggariskan apa juga aktiviti yang ingin dilakukan oleh koperasi tersebut. Dalam konteks ini apa yang dilakukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah untuk melihat bahawa pentadbiran koperasi tersebut adalah selaras dengan apa yang terdapat dalam Akta Koperasi 1993. Dalam hubungan ini contoh Koperasi Sawit Mampan yang banyak di Sarawak contohnya, kita memang bekerjasama dengan MPOB bagi memastikan pelaksanaan projek-projek yang dikendalikan oleh Koperasi Sawit Mampan tersebut.

Umumnya adalah semua koperasi di Malaysia ini tertakluk kepada Akta Koperasi dan mereka berhak untuk mempunyai undang-undang kecilnya sendiri dalam memandu perjalanan koperasi tersebut. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Saya hendak maklum tadi kerana sekarang peruntukan daripada Desa Lestari ini adalah di bawah KKLW dan disalurkan kepada koperasi. Ia tertakluk juga kepada peraturan-peraturan tetap yang ditetapkan oleh KKLW, itu makna saya tadilah. Kalau ia di bawah MPIC maknanya tertakluk kepada peraturan tetap MPIC. Dalam perkara ini apa juga permohonan projek yang dibuat oleh tiap-tiap koperasi itu bagaimanakah bentuk pengawasan bagi menentukan supaya projek ini benar-benar diperlukan dan dapat dijalankan dan menepati hasrat kita bagi membantu ekonomi kampung.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Tuan Pengerusi kalau boleh saya jawab yang ini. Di peringkat KKLW contohnya jika Desa Lestari ataupun desa ini memohon untuk mengadakan projek untuk *come out* dengan satu projek baru katakan ya. Katakan penternakan lembu pada kos RM500,000 katakan ya, jadi dia akan kemukakan kepada pihak KKLW dan pihak KKLW berdasar kepada peruntukan yang kita ada, kita ada jawatankuasa induk yang akan menapis, melihat projek ini. Dalam jawatankuasa kita ini juga kita tidak lupakan mesti ada daripada Suruhanjaya Koperasi ahlinya yang akan sama-sama menilai kerana apa sahaja berkaitan dengan latar belakang, keupayaan, kekuatan koperasi itu akan diberi maklum oleh pihak pegawai daripada SKM.

**■1210**

Kita akan melihat di KKLW pula berdasarkan pada garis panduan yang ada pada kita, kita akan menilai projek itu. Kita akan menyalurkan peruntukan-peruntukan dan juga apa-apa kepada Koperasi bilamana mereka telah diluluskan dengan projek itu. Bila berlaku selepas ini, kita akan sama-sama memantau. Kita akan sama-sama memantau perjalanan projek ini kerana Koperasi kita tahu ada kekuatannya, mereka lebih kenal tentang dan lebih

arif tentang Koperasi dan kita pula dari segi projek itu kita ada pegawai-pegawai yang akan memantau pelaksanaan projek itu. Jadi, memang ada kerjasama erat antara pihak kami antara KKLW dari segi penyaluran, dari segi projek, pemantauan projek dan sebagainya dan pada masa yang sama, sahabat kita dari Suruhanjaya Koperasi juga turut sama dalam urusan ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, memang ada kes-kes yang berjaya. Dari segi perbelanjaan di sini, untuk perbelanjaan RM114 juta ini, apakah peratusan dianggap oleh Datuk Borhan sebagai pembaziran? Adakah kita bazirkan wang ini? Ada yang berjaya tetapi ada yang gagal tetapi peratusan yang dibazirkan daripada lebih 100 juta ini.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Saya melihat bahawa memang kalau kita lihat -- setakat ini kita belum dapat *figure* daripada perbelanjaan ini berapa banyak, berapa *percent* yang kita kategorikan sebagai membazir kerana projek kita ini adalah projek yang berterusan, *consistently.* Kita perlukan masa bagi setiap projek itu mendatangkan hasil dan pulangan. Kita dalam menilai projek ini, kita hendak tengok supaya projek-projek yang dibentangkan kepada kita dan kita luluskan merupakan projek-projek yang boleh dilestarikan, *sustainable* untuk suatu masa yang panjang.

Jadi, memang lah sebab saya akui yang ini saya tidak kata tidak berlaku pembaziran tetapi di sana sini ini yang disebut dalam Audit bilamana pembelian sesetengah peralatan itu tidak digunakan. Jadi, di situ berlaku pembaziran. Jadi bila berlaku pembaziran, yang inilah langkah-langkah yang kami ambil iaitu mana-mana peralatan yang tidak digunakan kita pindahkan kepada Desa Lestari yang lain yang memerlukan. Jadi di situ *saving* – saya akui Tuan Pengerusi sesetengah Koperasi masa mereka memohon, mereka tamak. Saya katakan tamaklah. Jadi dia minta sebanyak mungkin. Contohnya kalau dalam program projek katering, dia akan minta pada kapasiti peralatan untuk *serving* 1,000 orang tetapi bila berlaku dalam majlis-majlis yang disewakan dan sebagainya, hanya maksimum digunakan 500 sahaja. 500 itulah yang tersimpan, tidak diusik lagi oleh pihak Audit—di-*found* dalam audit.

Kalau saya hendak menjawab Yang Berhormat Dr. Tan punya ayat tadi, di situlah berlaku pembaziran. Akan tetapi bila Audit dapat jumpa dan kita kata mereka tidak gunakan, dia pun kata kami tidak boleh hendak gunakan kerana yang sekarang ini hanya maksimum kami pakai 500 sahaja. Akan tetapi masa mereka memohon, mereka menjangkakan ia akan sampai untuk *serve* 1,000 tetamu. Jadi, diperlukan peralatan untuk 1,000. Jadi di situ pembayaran -- tetapi bila kita jumpa Audit dan kita kata, "Selepas beberapa tahun *you* tidak gunakan..." dan kita kata, "*Why not* kita *transfer*-kan kepada Desa Lestari yang juga mempunyai *similarity* dari segi projek itu supaya dapat digunakan".

Di situ kita dapat elakkan menjawab soalan Yang Berhormat Dr. Tan tadi yang menyatakan bahawa di sinilah berlakunya pembaziran untuk tempoh itu. Akan tetapi langkah-langkah ini, kita sudah ambil supaya kita dapat kurangkan ataupun kita boleh hentikan terus elemen-elemen pembaziran seperti yang ini. Cuma peratusan itu kita tidak dapat secara spesifik lagi, Yang Berhormat Dr. Itu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Sorry*, ya. Soalan yang terakhir daripada saya. Saya nampak beberapa kelemahan yang dikemukakan oleh pihak Audit dan memang Datuk pun mengakui ada kelemahan ini. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk membetulkan semua kelemahan ini?

**Datuk Borhan bin Dolah:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Cuma saya tidak *detail*-kan kerana ada banyak kelemahan-kelemahan yang mendapat teguran daripada Audit. Contohnya macam saya kata tadilah, ada peralatan-peralatan yang ditemui tidak digunakan dan dianggap sebagai pembaziran. Begitu juga ada kenderaan yang dibeli tetapi tidak digunakan. Jadi antara langkah-langkah yang kita buat tadi macam saya sebutkan di awal tadi, kita melihat projek-projek Desa Lestari kita yang lain yang memerlukan atau ada kesamaan dari segi projek dan menggunakan peralatan yang sama dan kita pindahkan. Proses pemindahan ini oleh sebab kita sudah serahkan kepada ini atas nama Koperasi, maka itu kita bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Koperasi untuk meyakinkan Koperasi itu membenarkan pemindahan peralatan ini daripada hak milik mereka kepada Koperasi yang lain yang mempunyai *similarity* dari segi urusan tadi.

Banyak sebenarnya yang kita sudah ambil tindakan. Semuanya telah kita ambil tindakan. Contohnya membuat wang tindik, semuanya telah kita pulangkan balik dan juga kita telah mengambil inisiatif untuk menambah baik garis panduan kita dalam kita melaksanakan program ini. Jadi, banyak perkara yang kita telah sentuh yang mungkin saya tidak dapat beri *detail* di sini tetapi kalau ada ini slaidnya memang ada. Kita ambil semua teguran Audit sebenarnya Yang Berhormat Dr. memang kita *seriously* ambil dan *way forward* sebenarnya kita mahukan supaya selaras dengan *tagline* kita untuk 'Membandarkan Luar Bandar'.

Jadi kita mahu supaya Desa Lestari ini menjadi platform besar untuk rakyat luar bandar meningkatkan ekonomi mereka dan meletakkan bahawa luar bandar ini adalah suatu sumber mereka dan tidak memerlukan mereka *migrate* ataupun berhijrah ke bandar bagi mendapatkan ataupun mencari sumber pendapatan mereka. Jadi, platform Desa Lestari ini – terima kasih kepada Audit kerana membuat teguran-teguran dan dari situ kita baiki kelemahan kita supaya *way forward* ke depan ini kita dapat lagi meningkatkan dan menjayakan Desa Lestari ini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Setelah mendengar penjelasan daripada pihak kementerian KKLW dan daripada

SKM dan juga mendengar teguran-teguran daripada Audit, saya sebagai wakil rakyat, memang menyambut baik atas usaha KKLW yang mana terdapat 80 peratus telah mendapat *success story.* Walau bagaimanapun, terdapat juga teguran-teguran daripada Audit yang boleh dianggap sebagai satu teguran yang baik oleh sebab apabila kita melihat senarai projek-projek yang dianggap gagal, saya terpanggil jika pihak kementerian ini sebagai pihak pelaksana kepada projek-projek Desa Lestari, adakah sebelum peruntukan diberi kepada koperasi-koperasi ini, dapat melihat *project paper* atau kertas kerja daripada pihak Koperasi?

**■1220**

Di mana kita telah pun memberi jalan atau landasan kepada pihak pelaksana. Kita memerlukan NBOS kolaborasi daripada pihak-pihak yang tertentu terutama sekali jabatan-jabatan yang ada kaitan dengan projek yang dilaksanakan di bawah Kementerian KKLW. Misalnya, kandang ayam, saya rasa ini perlu perunding yang wajib dan juga jabatan daripada Jabatan Haiwan ataupun Jabatan Pertanian yang kolaborasi dia.

Satu lagi kandang lembu, kandang kerbau yang mana ada *success* sikit, kelulut jabatan apa yang sepatutnya yang memantau, yang berkolaborasi dengan koperasi ini. Adakah pihak kementerian tahu dengan juga projek pengangkutan misalnya. Adakah pihak daripada jabatan yang tertentu yang ada kaitan dengan lesen dengan undang-undang tertentu yang patut dipatuhi, ikan, *homestay* misalnya, adakah pihak kerajaan tempatan ataupun Kementerian Pelancongan.

Ini sebab kalau kita melakukan projek ini di Sarawak, di Sabah ada pihak-pihak yang ada kena-mengena dengan kerajaan negeri, kerajaan masing-masing. Adakah *project paper* ini termaktub dalam projek-projek yang diusahakan oleh koperasi tersebut. Ini sepatutnya pihak pelaksana ini tahu – masuk di dalam siapa pegawai, nama pegawai dia, apa jawatan dia yang boleh melibatkan diri dalam projek-projek tertentu supaya teguran-teguran seperti apa yang kita lihat daripada Jabatan Audit ini tidak berlaku lagi.

Saya juga melihat tanaman herba di Ulu Legong, Kedah. Siapa sebenarnya yang memantau herba ini. Ini patut orang yang berpengalaman dengan sains. Misalnya daripada mungkin golongan daripada penuntut daripada universiti yang membuat *research* R&D misalnya.

**Tuan Pengerusi:** Hutan, FRIM.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** FRIM, pegawai daripada FRIM boleh dilibatkan. Ini *what we called* NBOS, kolaborasi dengan jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan projek yang akan dilaksanakan KKLW.

Sebenarnya ini kita melihat – saya juga ada menyuruh di kawasan saya koperasi yang bukan gagal pun, tidak jalan sama sekali. Ini saya rasa pihak pelaksana harus lihatlah

apa yang keperluan seperti macam apa yang berlaku di Bongawan. Dilaksanakan projek, bekalan air tidak ada, bekalan elektrik tidak ada. Macam mana kau bagi peruntukan.

Jadi ini, bukan saya menuding jari kepada pihak pelaksana tetapi ini harus kita lihat sebelum projek itu dilaksanakan. Itu teguran saya. Jadi saya mohon penjelasan daripada kementerian ini jika ini telah dalam SOP daripada pihak kementerian.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Terima kasih Yang Berhormat, memang kita ambil perhatian berat tentang teguran ini Tuan Pengerusi.

Pertama, kerana dari mula awal lagi semasa pemilihan desa untuk masuk dalam Program Desa Lestari ini memang kerajaan negeri memang kita libatkan. Bagi Sabah contohnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB) merupakan kementerian yang akan mencalonkan desa mana yang sesuai dan sebagainya. Itu satu, maknanya penglibatan di peringkat itu. Kita juga dimaklumkan bahawa pencalonan ini datang daripada daerah. Maknanya daerah sudah tahu.

Satu lagi yang saya suka, saya terlupa *missed* sebutkan dari awal tadi ialah sebelum sampai ke Jawatankuasa Induk untuk menapis dan meluluskan projek kita ada Jawatankuasa Teknikal. Jawatankuasa Teknikal tadi saya setuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa Jawatankuasa Teknikal ini terdiri daripada orang-orang teknikal yang menilai projek itu berdasarkan pada *technicality* sesuatu projek itu.

Kalau ia melibatkan ikan dalam sangkar contohnya ataupun ternakan ayam contohnya, maknanya sahabat kita daripada pertanian akan ada sebagai panel untuk teknikal itu menilai projek ini sama ada *feasible* ataupun kemungkinan boleh atau tidak boleh, akan ditapis di peringkat ini.

Begitu juga rakan-rakan saya daripada kementerian. Memang dari segi pelaksanaan projek memang saya akui bahawa ada jawatankuasa teknikal. Cuma mungkin cadangan Yang Berhormat itu kita akan ambil kerana bila mana *on the ground* selepas laksana kita hanya ada agensi pelaksana kita iaitu *dedicated* – kalau dengan KEDA, KEDA-lah pegawainya. Akan tetapi, kita tidak ada pegawai teknikal macam Yang Berhormat sebut tadi herba tadi. Tidak ada pegawai yang berkaitan dengan yang daripada pertanian yang pakar dalam herba tadi memantau projek kita di sana, *advice* kita.

Jadi itu sekarang ini dalam garis panduan yang baru kita baiki dan tambah baik memang kita masukkan. Ada *dedicated officer* yang terdiri daripada pakar tadi dan juga pegawai di peringkat daerah dari pejabat daerah itu untuk sama-sama memantau projek kita dan melaporkan kepada kita.

Ini kerana sebelum ini kita banyak menerima. Itu kelemahan program kita sebelum ini ialah kita menerima laporan bertulis setiap bulan daripada koperasi tetapi kita tidak dapat laporan daripada pakar yang berkaitan dengan itu Tuan Pengerusi, itu sahaja. *So*, saya saya percaya dan saya yakin kalau diberi peluang dan berdasarkan kepada teguran Audit

tadi yang kita *improve* kita tambah baik selepas ini saya percaya bahawa kita akan lebih ke depan lagi dari segi projek kita dalam kita meningkatkan ekonomi penduduk desa, penduduk kampung.

*Insya-Allah*, terima kasih Yang Berhormat punya teguran kerana kita kurang dari segi itu sahaja, kepakaran, *supervise*, penyeliaan dari pakar dalam bidang itu. Dulu memang kita minta tetapi dia tidak datang dalam *consistency* yang betul. Maknanya *as and when* bila mereka rasa hendak datang sahaja tetapi *now* kita sudah tetapkan bahawa mesti ada suatu *advisory committee* dari segi kepakaran itu yang akan melihat. Dr. Zari bersama dengan saya *insya-Allah.*

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Izin saya Tuan Pengerusi menambah. Memandangkan dalam apa keadaan pun koperasi ini hanya akan terletak di bawah payung Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Memang kita, setiap koperasi itu akan ada seorang pegawai penyelia.

Apa yang telah kita ambil tindakan – kita akan ambil di sini adalah kita akan memperkukuhkan lagi skop dan bidang kuasa pegawai penyelia yang akan diselia kepada koperasi tersebut bukan hanya setakat melihat perjalanan mesyuarat agung tahunan ataupun akaun-akuan. Akan tetapi, secara khususnya kepada pelaksanaan dan kemampuan projek-projek di bawah Projek Desa Lestari ini.

Saya akui bahawa pegawai-pegawai SKM tidak mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi dalam perkara ini dan justeru itulah bila kita lihat balik bidang tugas pegawai penyelia SKM dengan jawatankuasa teknikal yang akan kita bentuk yang akan kita perincikan tugasannya nanti. Saya yakin dan percaya apa yang kita laksanakan ini boleh memberikan satu impak yang positif kepada pembangunan koperasi itu sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Dia masih diteruskan lagi kah? Bertambah tidak? Jumlah Desa Lestari ini – bertambah?

**Datuk Borhan bin Dolah:** Bertambah Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Untuk tahun 2017 kita akan pertambahan lagi sebanyak 25, menjadikan 105 Desa Lestari. Kita pilih daripada desa-desa yang menang dalam anugerah di peringkat negeri dan juga peringkat kebangsaan.

Ini memang – saya kira desa yang kita pilih ialah desa yang memang *establish.* Kali ini kita ambil pemenang-pemenang di peringkat negeri di bawah Anugerah Desa Perdana di peringkat kebangsaan, menang di peringkat negeri kita bawa ke kebangsaan.

**■1230**

Secara automatiknya, kita hanya perlukan negeri itu *endorse* sahaja pemenang negeri itu untuk kita masukkan mereka dalam program kitalah Desa Lestari. Cuma mereka perlu *come out with the project.* Untuk kita nilai dan kita teruskan. Setakat ini 105, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini?

**Datuk Borhan bin Dolah:** Ya. 2017 —105.

**Tuan Pengerusi:** Dia koperasi yang berpotensi juga harus diberi peluang juga.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Memang. Memang.

**Tuan Pengerusi:** Makna dari segi. Semua dari segi pegawai-pegawai yang cuai ini ada... JPA ada ambil tindakan? Suruhanjaya Koperasi bukan di bawah JPA?

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Bukan, Tuan Pengerusi. Di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

**Tuan Pengerusi:** Kalau itu *you* punya. Kalau pegawai-pegawai yang bermasalah itu di bawah *you* punya sendiri? Disiplin bawah...

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Di bawah Suruhanjaya sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Ada *board* sendirilah.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Ada. Kita ada jawatankuasa sebagai Badan Berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kita mempunyai jawatankuasa yang sendirilah.

**Datuk Liang Teck Meng:** Tuan Pengerusi boleh?

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sila.

**Datuk Liang Teck Meng:** Tuan Pengerusi terima kasih. Projek yang dijalankan ini tempoh masa yang terlibat selama tiga tahun. Bukan satu tempoh yang pendek yang kata tiga bulan ke ataupun enam bulan. Peruntukan yang terlibat cukup besar, 100 lebih 114 juta. Bermakna sebenarnya ada cukup ada masa yang cukup untuk kita memantau dan saya lihat kesalahan-kesalahan yang dilakukan ini cukup-cukup *common*. Dia bukanlah kecuaian manusia. Beli barang dengan harga mahal daripada harga pasaran. Beli peralatan yang terpakai. Lepas itu buat kerja tidak ikut *spec. This is very, very common*.

Setiap kali kita lihat isu benda yang sama tetapi dalam tempoh tiga tahun kenapa tidak ada satu teguran pernah dibuat oleh kementerian? Itu persoalan saya. Saya lihat kesalahan ini semua kesalahan terancang dan pegawai-pegawai yang terlibat harus dikenakan tindakan yang paling berat. Baru kita nampak keseriusan kementerian. Saya tidak berapa setuju dengan SKM tadi kata, kita ada undang-undang tidak mengadakan Mesyuarat Agung dan lepas itu kita mungkin tidak ambil tindakan. Itu sebab mungkin koperasi-koperasi ini nampak "Boleh *settle*, tidak apa. Walaupun salah pun mungkin tidak akan diambil tindakan." *"Bolehlah, boleh kau tutup mata sebelahkan"*. Patut kita harus berikan teguran yang paling serius. Mungkin amaran *first time,* kalau buat silap kali kedua terus ambil tindakan. *You have to show your commitment* dalam perkara ini. Itulah komen saya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** JPA, ada pegawai yang kena ambil tindakan? JPA?

**Puan Eizan Azura binti Zainudin:** Di peringkat JPA dalam lima punitif yang diberikan ada satu teguran yang melibatkan pegawai.

**Tuan Pengerusi:** Satu?

**Puan Eizan Azura binti Zainudin:** Ya.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Dalam kita hendak membangunkan koperasi ini, kita memang ada ruang untuk membatalkan koperasi tersebut. Sebenarnya, koperasi tersebut tidak aktif untuk satu tempoh tertentu kita akan batalkan pendaftarannya. Akan tetapi, kita harus juga melihat bahawa bagi koperasi-koperasi yang baharu untuk pertamanya sekiranya, mereka tahun pertama tidak menjalankan Mesyuarat Agung, kita akan pegawai penyelia akan pergi berjumpa dengan mereka meminta supaya mereka mengadakan Mesyuarat Agung sebagainya. Kita tidak mahu supaya koperasi ini ditubuhkan setahun dua tahun sudah tutup dan sebagainya.

Itu adalah proses yang biasa kita ambil. Memang ada. Dalam setahun kita sentiasa ada koperasi yang kita batalkan pendaftarannya. Memang dalam konteks ini, saya rasa proses-proses yang melibatkan perolehan dan sebagainya itu kita harus melihat balik prosesnya, Tuan Pengerusi.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Mungkin Tuan Pengerusi saya tambah sedikit daripada Yang Berhormat tadi. Memang kita akui sebelum ini perolehan dan sebagainya kita serahkan kepada koperasi. Kita serahkan kepada koperasi. Akan tetapi, saya sebut tadi garis panduan yang telah kita tambah baik dan kita baiki ini. *So*, dalam garis panduan yang baharu ini sebarang pembelian bekalan dan juga perkhidmatan yang melebihi 50,000 contohnya ataupun perolehan kerja yang melebihi 20,000 berdasarkan kalau dahulu dilaksanakan oleh kita bagi kepada koperasi kerana kaedah kita hendak memperkasa.

Sekarang ini kita ambil balik. Maknanya kita macam Yang Berhormat sebut tadi betullah. Kalau dahulu berlaku perolehan, pembelian yang tidak mengikut peraturan kerana kita arif bahawa yang ini kita serah dan percaya kepada koperasi tetapi berlaku. Akan tetapi, sekarang ini melalui penambahbaikan yang kita buat *so* kita pantau dan mana-mana perolehan yang lebih daripada bekalan dan perkhidmatan yang melebihi 50,000 kita ambil balik. Maknanya, akan dibuat oleh pegawai kita mengikut prosedur yang ada yang terpakai bagi agensi kerajaanlah dan kurang daripada itu dan kita serah kepada koperasilah.

Jadi, kita buruk siku baliklah. Dahulu kita percaya kita serahkan tetapi sekarang kita ambil balik melalui penguatkuasaan melalui garis panduan kita yang baharu. Itu langkah-langkah Yang Berhormat yang kita ambil telah bagi memastikan bahawa perolehan-perolehan yang tidak betul ini dapat kita ikut peraturan dan sebagainyalah. Itu yang kita ambil sekarang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Datuk Ketua Setiausaha yang tengok kesalahan-kesalahan ini yang banyaklah dari *spec* —macam-macamlah. Apa yang telah dibuat untuk membaiki yang sudah salah ini? Dalam isu-isu itu.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Okey, kalau yang —saya ambil contoh macam mana-mana perolehan peralatan yang tidak diperlukan makna dia beli tetapi dia tidak pakai. *Then*, kita ambil balik kita bekerjasama dengan —kerana bila mana perolehan itu perolehan oleh koperasi *so* sudah jadi dari segi undang-undangnya milik koperasi. Jadi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tidak boleh ambil terus. Jadi, saya kena menggunakan sahabat saya di koperasi untuk memujuk dan menggunakan peraturan mereka untuk membenarkan, memindahkan balik kepada koperasi ataupun Desa Lestari yang mempunyai urusan projek yang ada kesamaan dengan Desa Lestari yang berkaitan.

Bagi yang tidak memenuhi *spec* itu, contohnya katakan memang dalam peraturan koperasi tidak ada menyatakan tidak boleh beli kereta *secondhand*, kereta terpakai. Jadi, mereka boleh beli kereta terpakai. Cuma dalam peraturan kita sahaja yang menyatakan bahawa kita tidak boleh beli kereta terpakai. Itu kita teruskanlah dengan —yang lain-lain itu yang mana-mana yang macam Yang Berhormat sebut di Sarawak tadi sebutkan ada yang projek bekalan elektrik dan sebagainya, projek jalan – projek ada tetapi elektrik belum ada lagi. Ini sudah kita uruskan dan minta uruskan dengan koperasi supaya elektrik sudah ada dan telah pun selesailah urusan-urusan itu. *So*, semua yang tidak mengikut *spec* ini sudah kita *adjust* dan pastikan bahawa mereka akan mengikut *spec* ini dan kita bekerjasama dengan sahabat saya di Suruhanjaya Koperasi lah.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Maksudnya kita hendak apa-apa yang telah dibelanjakan ini *we want it to function* —lah?

**Datuk Borhan bin Dolah:** *Yes*. Betul *that* Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ini... lebihan peruntukan itu sudah pulang balik semula ya?

**Datuk Borhan bin Dolah:** Sudah pulang balik sudah, selesai sudah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Minta baliklah kalau ada keperluan ya? Macam mana?

**Datuk Borhan bin Dolah:** Kita minta balik daripada pelaksana baki-baki kita tadi dan kita telah pulangkan pada *treasury* dan dalam *dashboard* kita pun sudah hijau sudah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Hijau ya dalam audit.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Sudah hijau dah. Makna kepada audit hijau itu makna selesailah. Dimaafkanlah.

**Tuan Pengerusi:** Pegawai tidak ada kena tindakan disiplin ya?

**Datuk Borhan bin Dolah:** Ini tidak berlaku bukan...

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada ya?

**Datuk Borhan bin Dolah:** Bukan kerana...

**Tuan Pengerusi:** JPA, JPA tidak ada tindakan disiplin?

**Datuk Borhan bin Dolah:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Kepada pegawai.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Untuk SKM tidak ada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Untuk...

**Puan Eizan Azura binti Zainudin:** JKS kami tidak *cover* teguran ini.

**■1240**

**Datuk Borhan bin Dolah:** Ini Tuan Pengerusi ialah yang kita tindikkan...

**Tuan Pengerusi:** Tindik.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Kita tindik, kita *park*. Dia punya ayatnya sahabat saya *Treasury* dengar ini dia sensitif. *[Ketawa]* Maknanya dia tindik, kita tindik di agensi kita, kemudian selepas projek itu selesai, ada baki. Ada baki itu tidak dipulangkan. Jadi kita telah ambil, bukan disalahgunakan oleh pegawai, tidak. Cuma baki daripada projek itu, lebihan daripada projek tetapi tidak dipulangkan. Jadi, kita pulangkan kepada *Treasury*. Perkara itu sudah selesai Tuan Pengerusi.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kepada koperasi, SKM. Kalau boleh SKM jelaskan kepada PAC. Dalam pengauditan oleh Audit Negara, terdapat beberapa perkara yang saya lihatlah daripada segi Akta Koperasi 1993 ini bertentangan ataupun tidak sepatutnya koperasi-koperasi ini melaksanakan perkara-perkara yang dilihat sebagai tidak *good governance* terhadap koperasi tersebut. Akan tetapi kita lihat berasaskan kepada laporan ini, tidak ada tindakan pun diambil oleh SKM pun kepada koperasi-koperasi berkenaan.

Saya bagi contoh ya, contohnya seperti mana yang dilaporkan oleh Audit, terdapat juga koperasi yang menjual ternakan contohnya, transaksi penjualan ini tidak direkodkan di dalam akaun untuk dilaporkan dalam mesyuarat agung. Akan tetapi saya lihat SKM tidak ada tindakan terhadap koperasi, padahal dalam Akta Koperasi ini cukup jelas mengatakan bahawa SKM ini adalah kawal selia kepada perjalanan koperasi. Itu saya ingat begitu jelas sekali ya.

Ada juga dapatan misalnya yang melihat bahawa terdapat salah laku ALP koperasi, tanah tidak dikaveat. Terdapat juga misalnya perolehan jentera, tetapi nama tidak ditukar. Ini antara-antara perkara-perkara yang saya lihat boleh dikaitkan dengan tidak adanya *good governance* dalam pelaksanaan operasi koperasi-koperasi berkenaan. Akan tetapi kita lihat tidak ada tindakan, sedangkan dalam *exit conference* tempoh hari kita telah memaklumkan bahawa sepatutnya SKM mengambil tindakan susulan ke atas teguran Audit sebab ini melibatkan perbelanjaan dan peruntukan kerajaan yang besar. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datin Paduka Ang Nai Har:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pihak Audit mengambil maklum perkara-perkara yang telah ataupun *success story*, tindakan penambahbaikan dengan penjelasan yang telah diberikan oleh pihak KKLW dengan SKM. Cuma pihak Audit pandang seriuslah perkara-perkara atau isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara itu *alright*.

Di antara perkara-perkara yang dibangkitkan itu, kita sudah masuk di AG *Dashboard. We have 41 issues in a AG Dashboard* ya, tetapi sehingga hari ini, hanya 22 *percent* sahaja yang bertukar hijau. Di antaranya hendak maklumkan dekat Datuk KSU KKLW, yang fasal *parking* itu yang kita bangkitkan RM16 juta bukan, yang dipulangkan balik RM3.3 juta itu dalam *AG Dashboard* masih lagi kuning, tidak hijau lagi. *So out of the 41 issues that we entered into AG Dashboard* yang boleh dilihat daripada orang awam itu, hanya *22 percent* sudah tukar hijau. *So, you have another 78 percent* yang belum tukar hijau itu yang seperti yang dimaklumkan oleh pihak *Treasury* itu, pihak Kementerian Kewangan, *we need that answer to* tukarkan kepada hijau. *It doesn't look good on* KKLW ya Datuk KSU.

*So*, pihak KKLW kena bekerjasama dengan SKM *because I know some of the answer is have to be come from* SKM, *so* kena bekerjasama *and deal with my* Bahagian Susulan Audit, *so that we can sit down and see your action. It is because we need to see your action and you have to justify.* Contoh *for example*, tadi yang RM16 juta itu, *of course you* pulang balik RM3.3 *but there still a balance. We are not still happy with the– why that balance is not return back to Treasury. Until and unless* Audit Negara *is happy with the answer, then we will* tukar *to* hijau. *So, we are not happy at the moment. So, I hope that* pihak KKLW dengan SKM *can sit with my* Bahagian Susulan Audit *and go case by case on that why we have not change to* hijau *because it is does not look good. Okay*. Itu sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Boleh saya tanya dengan Audit? Boleh tanya dengan Audit ini, yang teguran berapa peratus dalam 100 peratus teguran itu, yang kena hijau berapa peratus?

**Datin Paduka Ang Nai Har:** Okey, dia macam ini Yang Berhormat. *Base on the* laporan audit yang kita bentangkan bulan Julai, *we have actually identified 41 issues and these 41 issues actually had been key in into the AG Dashboard. All the issues that* yang dibentangkan itu, isu-isu yang dibentangkan, *we actually classified into 41 issues. So out of 41, so far until today, nine issues* sahaja yang tukar hijau. Betul Datin? *Nine issues* sudah bertukar hijau. *So, we have another balance of 32 issues that* pihak KKLW dengan SKM *have to satisfy* Audit *base on your* maklum balas *and your justification and your paper whatsoever, then only* dia akan tukar kepada hijau, *then it will be 100 percent* hijau. *At the moment is still, we still have 78 percent not settle yet. We called it not settle.* Macam yang diterangkan oleh *Treasury*, benda-benda tidak ada jawapan yang memuaskan hati pihak Audit termasuk isu-isu punitif, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Okay Chairman*, saya memang terpanggillah apabila sahabat saya bawa perkara yang jawapan daripada pihak kementerian memang cantiklah. Memang cantiklah dan *success story* pun cantiklah. Kami pun lagak cantiklah. Akan tetapi isu-isu yang sebenarnya yang harus ditangani ini, kita tidak boleh *just sweep under the carpet*. Ini kita terus terang di sinilah. Saya macam tanda tangan pihak KEJORA, pihak-pihak Kerajaan Malaysia itu harus juga SKM harus ambil pandangan serius terhadap tindakan daripada KEJORA itu yang kononnya dia mewakili Kerajaan Malaysia, walaupun dia hanya koperasi sahaja.

Jadi, ada lagi benda-benda selain dari 41, yang hijau hanya sembilan. Jadi, pihak kementerian ini, walaupun kita hendak paparkan gambaran itu kepada rakyat yang bahawa kita ini laksanakan cara yang tercantik, tetapi apa yang sebenarnya berlaku dalam pihak pengauditan ini, saya rasa kita pun malulah. Berasa malu sebagai wakil rakyat, kita punya kerajaan ini, kita punya pihak pelaksana ini tidak begitu prihatin atau tidak mengambil titik berat soal-soal kelemahan pelaksanaan kita.

Jadi, saya mohonlah pihak kementerian ini kalau boleh *punitive action* itu yang penting walaupun ada laporan kepada SPRM, laporan kepada JPA ini dan JPA kononnya tidak mendapat apa-apa kesalahan. Jadi ini saya rasa tidak begitu - rasa legalah mendengar daripada pihak JPA walaupun hanya tujuh perkara yang telah dianggap sebagai hijau. Saya rasa perkara-perkara serius yang teguran daripada ini *Chairman*, saya bersetuju kepada pihak Audit ini supaya tindakan yang *balance* 78 peratus itu haruslah diberi tindakan sewajarnyalah.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Tuan Pengerusi, menjawab soalan Datin tadi, memang kita beri maklum bahawa daripada awal tadi kita amat serius tentang teguran yang diberi kepada kita dan memang tindakan kita itu pun tindakan serius. Cuma saya katakan tadi, kalau mengikut *report* kita, 14 daripada 41 teguran kita itu sudah hijau, 22 *percent*. Kita sedia maklum juga bahawa *accounting* antara pihak Audit dengan kita itu lain *accounting*. Tidak mengapalah, kita ada mesyuarat tindakan susulan dan kita tidak ada yang merah, tinggal kuning sahaja untuk kita tukar kepada hijau. Ada proses-proses itu kita makan masa. Macam tindakan ke atas pegawai, kita ada jawatankuasa kena *be fair* kepada pegawai *hearing* dan sebagainya sehingga kita muktamadkan jatuh atau tidak hukuman kepada pegawai berkaitan. Memang berlaku dan mengambil masa sedikit.

Begitu juga Yang Berhormat maksudkan tadi tentang KEJORA yang dari segi menandatangani, kepada kita sudah selesai, cuma kita makan masa sedikit. Kita sudah *convert* kita punya geran itu kepada yang saya panggil kepada pinjaman kepada syarikat yang berkenaan dan telah pun menandatanganinya dan selesai pada September dan sebagainya.

**■1250**

Cuma masa sahajalah yang menentukan bahawa akhirnya kita dan kita akan Tuan Pengerusi, kita memang akan duduk bersama dengan pihak Audit dalam tindakan susulan ini. Memang hasrat kita ialah kita mahu 100 peratus, 41 kita punya teguran ini hijau. Itu janji kitalah, Tuan Pengerusi. Kita cuma, saya kata itulah tadi *insya-Allah* kita akan usahakan dan dalam banyak perkara itu teguran itu orang kata kita akan bersama. Ada setengah itu bersama dengan sahabat-sahabat sayalah daripada SKM dan sebagainya terutama dalam urusan menukar, memindahkan aset-aset yang telah menjadi aset oleh koperasi 'A' kita hendak pindahkan koperasi 'B'.

*So*, kita bekerjasama erat dan sehingga selesai baru kita dapat menghijaukan *dashboard* kita itulah. *Insya-Allah,* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Berapa lama Audit bagi masa untuk hijaukan itu?

**Datin Paduka Ang Nai Har:** *Actually* Tuan Pengerusi, bagi Audit *is* segeralah, okey. Akan tetapi yang *I* hendak maklumkan dekat pihak KKLW dan SKM biasanya kita bagi setahun, betul? *Before it goes into the higher level. There is one more level,* Tuan Pengerusi. *At the moment if the* perkara yang dibangkitkan dalam *AG dashboard* tidak selesai dalam masa setahun, *it will go to a higher level, it's the Putrajaya Inquisition.* Itu sahajalah *the* norma masa itu. *Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Saya nampak *accounting* ini, pengurusan kewangan adalah satu perkara yang lemah dari segi koperasi. *This is* kalau banyak lagi buat kursuslah, koperasi kena bekerjasama dengan program-program macam ini dia kena *accounting* ini satu perkara, benda yang dia orang malas, bukan malas tetapi tidak mahir dia kena kursus sebenarnya, kena kursus. Dia tidak melihat kira-kira itu sebagai satu perkara yang pentinglah, saya nampak dalam koperasi. Saya tengok koperasi itu kadang-kadang ya. Jadi itu kelemahan yang utama. Jadi bila dia punya akaun dia tidak berapa -- bercelaru itu yang masalah itu. Hendak audit pun tidak – ada kekeliruan semuanya.

Kalau boleh diperbaiki dari segi kesedaran pengurusan kewangan itu. *This is in general* lah di kalangan koperasi-koperasi dalam negara kita inilah.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Tuan Pengerusi, mungkin Pengarah Audit SKM, mohon. Silakan.

**Tuan Haji Badrishah bin Hasan [Pengarah Audit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia]:** Saya dengan izin boleh membantu Dato' Noor Zari lah dari segi pengurusan kewangan koperasi walaupun saya sebagai Pengarah Audit. Makna audit biasanya datang selepas penyerahan akaunlah. Sedia maklum bahawa saya rasa Tuan Pengerusi tahu koperasi ini dari segi *turn over* satu ALK dan *turn over* staf dia biasa berubah. Makna dari segi pengajaran dan pembelajaran itu *everyday* maknanya setiap kita akan terpaksa mengajar koperasi ini setiap masa.

*That's why* pengalaman saya sendirilah, walaupun kita bagi sistem pun, sistem yang elok dan sebagainya dia akan tunggu kita juga untuk *update* akaun dia. *That's why* koperasi ini dari segi permasalahan kewangan ini memang orang kata kita ambil maklum dan akui. Tambah-tambah koperasi yang di peringkat desa dan kampung ini, memang dari segi masalah kelemahan itu kita akuilah. Akan tetapi untuk makluman saya rasa pihak kementerian KKLW telah ada usaha untuk mengambil kita panggil *package account*-lah yang dibuat SPPK, yang telah dibuat oleh MOCCIS lah.

Koperasi MOCCIS telah mengadakan satu sistem penyeragaman untuk memudahkan dari segi pemindahan akaun oleh koperasi lestari. Makna ini dalam proses makna kita mengadakan supaya akaun itu diurus dengan kemas kini, Tuan Pengerusi.

**Datin Norliza binti Ghazali:** Tuan Pengerusi, izinkan saya. Saya hendak *quote one of the issues* yang dibangkitkan iaitu kerja tidak ikut *spec*. Jadi dekat sini dilaporkan berlaku lebihan bayaran RM0.22 juta. Ini bermakna telah pun berlaku. Jadi kita sebenarnya telah pun mendapat maklum balas daripada pihak KKLW dan juga SKM di mana dilaporkan bahawa garis panduan (GP) telah pun ditambah baiklah. Di mana melibatkan pegawai-pegawai di peringkat daerah, sekurang-kurangnya jawatan itu sebagai *dedicator officer* yang terlibat secara langsung semasa peringkat perancangan, pelaksanaan.

Maknanya kita nampak ada satu penambahbaikan telah diambil oleh pihak SKM. Cumanya ini tindakan korektiflah yang kita lihat telah diambil. Akan tetapi bagaimana pula terhadap tindakan yang telah lebih bayar tadi itu. Ini kerana saya hendak *relate* balik dengan laporan yang dikeluarkan oleh pihak KKLW dan juga ini ya. Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman yang mengatakan bahawa tidak berlaku salah laku, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan oleh pegawai penyelia Koperasi SKM. Jadi macam mana kami ini di pihak BSA untuk menghijaukan isu ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Haji Efendee Andu [Timbalan Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia]:** Terima kasih. Saya bagi pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia ingin membincangkan sedikitlah mengenai tatacara penyeliaan serta penyelenggaraan. Bagi tatacara penyeliaan daripada segi penyelenggaraan akaun, kaveat dan sebagainya ini, satu jawatankuasa khusus yang telah kita panggil pada seluruh pegawai-pegawai penyelia Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kita telah memanggil agar perkara-perkara yang telah di *highlight* oleh *finding* daripada Jabatan Audit Negara ini akan dibawa ke dalam Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi. Itu yang pertamalah.

Jadi kita akan memastikan bahawa setiap *finding* ini supaya ahli-ahli koperasi atau anggota lembaga koperasi mengambil tindakan susulan atas teguran-teguran ini. Contohnya daripada segi...

**Tuan Pengerusi:** Cuba spesifik sikit kes yang dibangkitkan dalam itu. Apa tindakan kita buat *you know,* yang dibuat. Spesifik sikit daripada... Pegawai yang kita bayar lebih itu apa tindakan kita?

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Tuan Pengerusi, saya difahamkan hubungan antara perolehan adalah di antara koperasi dan agensi yang terlibat. Sangkutan ini pegawai SKM kita membuat pemantauan biasa kepada koperasi tersebut tidak kepada bagaimana proses pembelian sebagainya. Mungkin Encik...

**Tuan Haji Efendee Andu:** Dalam proses ini, pada masa itu bahawa koperasi diberi tanggungjawab untuk menyelia dan juga memantau *spec-spec* seperti spesifikasi yang telah diberikan. Jadi dalam spesifikasi berikut begini kita di bawah Suruhanjaya Koperasi akan membawanya dalam Mesyuarat Anggota Lembaga, bahawa Mesyuarat Anggota Lembaga telah memutuskan bahawa perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Ahli-ahli dan Anggota Lembaga Koperasi dan telah diberi amanah. Jadi bagi pihak SKM kita akan berdasarkan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga yang sedia ada serta kita memantau bersama dengan pihak KKLW lah dalam ini.

Bagi dalam tindikkan perolehan pula itu ada satu jawatankuasa khusus bagi pengambilan dan perolehan tersebut itu. Untuk maklumanlah.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah kita beri masa untuk menjawab perkara dan apa tindakan. Pulang balik duit kah apakah.

**Datin Paduka Ang Nai Har:** *That's why* Tuan Pengerusi di pihak KKLW dengan SKM *you have to sit down with my auditors because* fahaman bagi pihak KKLW dengan SKM, bagi mereka perkara itu sudah selesai. Akan tetapi bagi pihak Audit tidak selesai. *That's why there is always misunderstanding or whereby how come I already give you answer* tetapi *you* tidak hijaukan? *That is reason why* pihak Jabatan Audit tidak hijaukan. *It is good* ya Datuk *that we sit–* Audit *and* pihak yang bertanggungjawab, tidak kisahlah KKLW kah, SKM kah, RISDA kah *whoever, please sit down with my officer and try to get as many* hijau *out as possible.*

*But* untuk kes-kes yang cuai dengan punitif kah pihak Audit *is a little bit is very serious about this matter. We will not give way on that,* ya Datuk.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Amat setuju Datin. Kita ambil setuju, amat setuju Datin.

**Datin Paduka Ang Nai Har:** Okey, *thank you* Datuk.

**Datuk Borhan bin Dolah:** Tuan Pengerusi kita setuju yang itu, *insya-Allah.* Ini kerana itu saya kata tadi kalau hijau bukan saya sahaja yang hijau. Saya hendak hijau tetapi saya terpaksa bersama dengan sahabat saya, sama-sama kami hijau Tuan Pengerusi. Okey.

■**1300**

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Tuan Pengerusi, cuma itulah sebab saya hendak *highlight*-kan beberapa perkara. Sebab kertas-kertas yang dibincangkan dalam perbincangan ini dia jadi kertas perbincangan PAC ini. Ada satu kertas daripada KKLW yang ada dalam fail kita ini. Contoh, tindakan yang telah diambil di bawah ini, *improper payment* menyebabkan KEJORA dan juga Syarikat Cahaya Limbungan. Dalam jawapan yang ada dalam ini, disebut bahawa *"Jawatankuasa siasatan dalaman mendapati bahawa kontrak yang ditandatangani ini adalah berdasarkan kepada Akta Tubuh Badan Berkanun dan tidak terikat kepada Akta Kontrak Kerajaan 1949".*

Dia bercanggah dengan apa yang Audit bangkitkan. Soal dibangkitkan berdasarkan kontrak yang ditandatangani atas nama kerajaan – tidak menjawab. Kalau kementerian menjawab yang tidak berkaitan dengan apa yang Audit bangkitkan, seolah-olah kementerian *deny* perkara ini dan kementerian memaklumkan kepada PAC memaklumkan perkara yang tidak termasuk ataupun tidak betul. Kami tidak menafikan bahawa sekiranya kontrak atas nama KEJORA sebagai badan berkanun, tidak ada masalah. Akan tetapi bila kontrak sebut atas nama Kerajaan Malaysia, ia secara tidak langsung tertakluk kepada Akta 120 ini.

Perkara ini kita sudah bincangkan dan juga dipersetujui oleh wakil daripada AGC pun ada sebelum ini. Jadi kalau kementerian menjawab apa-apa perkara yang bercanggah tidak sepatutnya kepada PAC, saya rasa tidak wajar kerana jawapan itu kena...

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak hijaulah. Dia merah lagi.

**Encik Mohd Iskandar Amran:** *Of course* itu tidak boleh jadi hijaulah. Persoalan hijau dan merah dan sebagainya, Yang Berhormat. Akan tetapi persoalannya, ketepatan jawapan itu.

Juga apa yang dibangkitkan oleh Tuan Haji Rosli daripada MoF tadi, bagaimana SKM melalui Audit syarikat yang sama ada Audit SKM ataupun yang dilantik oleh SKM, boleh mengesahkan penyata kewangan sedangkan penyata kewangan tersebut Audit kita tengok dalam laporan, tidak ada pun rekod-rekod pembelian macam Yang Berhormat sebut tadi, pembelian berkenaan dengan lembu, kambing, penjualan dan sebagainya, tidak ada rekod. Bagaimana dalam Laporan Audit yang disahkan oleh SKM, laporan itu disahkan betul, laporan kewangan oleh– contoh...

**Seorang Ahli:** Koperasi.

**Encik Mohd Iskandar Amran:** Koperasi Sungai Lang Berhad. Saya bagi nama teruslah ya.

**Dato' Dr. Noor Zari Hamat:** Saya kena siasat perkara inilah Tuan Pengerusi. Mungkin – tetapi yang biasanya Audit buat adalah berdasarkan data-data yang ada diberikan oleh koperasi itu sendirilah. Jadi untuk kes ini secara spesifiknya saya akan membuat siasatan lanjutlah. Mungkin ada *some issue.*

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi. Saya ingat isu tentang koperasi ini isu yang *very substantial*, isu kewangan sebenarnya. Ia begini Tuan Pengerusi. Apabila kerajaan menyalurkan peruntukan, sudah pasti diakaunkan penerimaan itu dalam bentuk yang bagaimana? Apabila dibelanjakan, sudah tentu akan diperakaunkan perbelanjaan itu untuk apa? Bagaimana sistem perakaunan yang dibuat oleh koperasi ini telah diluluskan oleh SKM yang mengatakan bahawa perakaunan dia betul. Padahal dalam proses perakaunan itu tidak betul. Itu isu yang saya bangkitkan itu. Ini isu peruntukan kerajaan. Itu isunya Datuk.

**Tuan Pengerusi:** Ini isu pentinglah dari segi *accounting* ini. *Accounting* daripada segi pengurusan kewangan. Kita bagi masa untuk kementerian memberi jawapan. Kalau kita tidak pasti, kita akan panggil balik. Itu prosedur kita. Beri masa lah untuk menyelesaikan semua persoalan yang dibangkitkan oleh PAC tadi. Jadi, kita – Berapa lama Audit hendak bagi? Boleh ...

**Seorang Ahli:** Satu bulan.

**Tuan Pengerusi:** Singkat sangat itu. Lebih, lebih, masa lebih. Kita beri masa lebih. Sebulan kah atau dua bulan.

**Datin Paduka Ang Nai Har:** *I think* Yang Berhormat. Sebulan okeylah. *Meanwhile* pihak KKLW dengan SKM *can sit with my* Bahagian Susulan *then we can settle with* mana maklum balas yang *we are happy and we are not happy and whether* isu-isu punitif *by them we will be very clear whether it is* cuaikah, *whatsoever we will clear within that one month. Is it okay Datuk? Okay, ya one month? Liaise with my* bahagian susulan Audit ya. *Thank you.*

**Datuk Borhan bin Dolah:** Okey, kita akan susul dengan bahagian susulan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Bagi pihak PAC, kita mengucapkan terima kasih kepada kementerian, Datuk KSU, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada KKLW dan Pengerusi Eksekutif Koperasi dan pegawai-pegawainya kerana tengah memberikan maklumat kepada kita. Bukanlah tujuan kita untuk mencari kesalahan-kesalahan tetapi yang kita hendak teguran dan betulkan kerana kita kena bentangkan semula laporan PAC ini pada Dewan Rakyat. Di situ kalau tidak selesai itu masalah. Ahli-ahli Yang Berhormat akan *pick up* daripada laporan kita itu dan ia akan menjadi isu besar dalam beberapa perkara. Jadi kita harap semua jabatan dapat bekerjasama dengan Audit supaya dapat menyelesaikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara.

Jadi, sebulan ya. Kita bagi tempoh sebulan untuk KKLW dan Koperasi untuk selesaikan semua perkara dan kita akan lihat semula. Jadi, terima kasih. Kita ada sediakan *lunch*. Semua dijemputlah untuk makan tengah hari pada ini ya.

Sekian, mesyuarat ditangguhkan.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.06 petang]***

# DOKUMEN PEMBENTANGAN

# MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016 SIRI 1

## PROGRAM DESA LESTARI

**25 OKTOBER 2017**
(RABU JAM 11.00 PAGI)

**JABATAN AUDIT NEGARA**

# KANDUNGAN


| Perkara | Slide |
|---|---|
| Latar Belakang Projek | 3 - 4 |
| Objektif Audit | 5 |
| Skop Audit | 6 |
| Metodologi Pengauditan | 7 |
| Ringkasan Isu | 8 - 11 |
| Perincian Isu | 11 - 44 |

# LATAR BELAKANG PROJEK

- Program Desa Lestari merupakan inisiatif Kerajaan dalam usaha mentransformasikan desa menjadi kawasan yang maju dengan berpendapatan tinggi.
- Objektif program adalah untuk meningkatkan pengupayaan komuniti dengan memperkasakan aktiviti ekonomi dan keusahawanan.
- Program ini juga memberi peluang peningkatan pendapatan kepada penduduk.
- Kampung yang terpilih disyaratkan menubuhkan Koperasi .



# LATAR BELAKANG PROJEK

- Peruntukan RM114.68 juta telah disalurkan bagi Program Desa Lestari.
- Sebanyak 80 buah kampung telah terpilih dalam tempoh 2013 - 2016.
- Program melibatkan aktiviti peningkatan ekonomi seperti pelancongan desa, peruncitan, pertanian, penternakan, peladangan dan perkhidmtan jentera.
- Proses perolehan dibuat secara tender & sebut harga. Dilaksana diperingkat Koperasi & Agensi KKLW.

# OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Program Desa Lestari telah

- diurus dengan cekap dan berhemat
- mencapai objektif yang ditetapkan



# SKOP AUDIT

- Pengauditan Program Desa Lestari melibatkan pemberian geran bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016.
- Meliputi perancangan, pembelian, penerimaan, pengagihan, penggunaan, penyelenggaraan rekod dan bayaran kepada Koperasi/kontraktor/pembekal.
- Pengauditan dijalankan di Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa, KKLW; FELCRA; RISDA; KEDA KESEDAR; KETENGAH dan KEJORA.
- Sebanyak 30 (37.5%) daripada 80 Koperasi telah dipilih bagi tujuan pengauditan dengan peruntukan sebanyak RM41.76 juta (41.4%) daripada RM100.85 juta.

# METODOLOGI PENGAUDITAN

- ☐ Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dan dokumen serta analisa data berkaitan pengurusan perolehan.
- ☐ Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal kerja dan peralatan juga diadakan.



# RINGKASAN ISU

- Lebihan peruntukan berjumlah RM16.04 juta ditindik di Agensi KKLW;
- 19 projek bernilai RM5.32 juta di 12 Koperasi gagal dan terbengkalai;
- *improper payment* melibatkan kontrak ditandatangani tanpa kuasa, projek dilaksanakan tanpa kelulusan melibatkan bayaran berjumlah RM1.67 juta;
- 6 perolehan sebut harga bernilai RM2.08 juta di 3 Koperasi dipecah kecilkan bagi mengelakkan tender;

## RINGKASAN ISU

- 11 perolehan berjumlah RM1.75 juta oleh 4 Koperasi dibuat dengan melantik syarikat yang dimiliki oleh Ahli Lembaga Koperasi;
- Perakuan Siap Kerja diperakukan sendiri oleh Koperasi;
- 7 projek bernilai RM0.14 juta di 3 Koperasi dibuat tidak mengikut spesifikasi;
- Projek lewat disiapkan tetapi tidak dikenakan denda berjumlah RM70,000;



## RINGKASAN ISU

- Kabin chalet di 5 Koperasi mempunyai harga yang berbeza dengan perbezaan berjumlah RM0.64 juta;
- Juruperunding tidak bertauliah melaksanakan 6 projek berjumlah RM1.83 juta di 2 Koperasi;
- 4 projek berjumlah RM1.36 juta di 3 Koperasi dibuat tanpa melantik juruperunding;
- Perolehan Lebah Kelulut berjumlah RM4.56 juta secara rundingan terus tanpa kelulusan MOF dan tiada perjanjian antara KKLW dengan pembekal.

# RINGKASAN ISU

- Perolehan jentera yang sama dibeli pada harga berbeza dengan perbezaan berjumlah RM69,300;
- 2 Koperasi telah diluluskan perolehan 9 unit jentera terpakai berjumlah RM1.26 juta;
- Sejumlah RM0.39 juta dibayar bagi 14 pajakan tanah yang dimiliki oleh ahli/keluarga ALK;
- Tanah yang dipajak tidak dikaveat dan kos penyediaan perjanjian tanah dituntut oleh KEDA tidak diakaunkan ke akaun KEDA.



# 1 Tindik Peruntukan

## ISU AUDIT

- Lebihan peruntukan berjumlah RM16.04 juta sejak tahun 2013 telah ditindik di Agensi KKLW antaranya FELCRA (RM12.57 juta), RISDA (RM2.14 juta), KEDA (RM0.77 juta) dan KEJORA (RM0.56 juta).
- Prestasi perbelanjaan tidak menggambarkan kedudukan sebenar.

## MAKLUM BALAS KKLW

- Sejumlah RM3.3 juta merupakan baki penjimatan peruntukan pembangunan dan projek-projek yang telah dibatalkan melibatkan FELCRA Berhad (RM3,270,749), RISDA (RM22,924) dan KEDA (RM85,055).
- KKLW pada 2 Jun 2017 mengarahkan pemulangan baki peruntukan oleh agensi terlibat. Pemulangan telah dibuat oleh agensi pada 19 Jun, 20 Jun dan 15 Jun 2017.

# 2 Projek Gagal

## ISU AUDIT

- 19 projek di 12 Koperasi gagal dan terbengkalai menyebabkan perbelanjaan sebanyak RM5.32 juta gagal dimanfaatkan sepenuhnya oleh Koperasi.



Koperasi Kaban Stass Bau Berhad, Sarawak

## MAKLUM BALAS KKLW

- Berlaku penurunan harga susu getah yang drastik pada tahun 2014 sekitar RM1.50 ke RM2 sekilo telah memberi kesan secara langsung kepada aktiviti menoreh getah.






Koperasi Sri Serbang Bongawan Sabah Berhad, Sabah

## MAKLUM BALAS KKLW

- Bangunan tidak beroperasi kerana ketiadaan bekalan elektrik dan air semasa pengauditan dijalankan. Pemasangan bekalan utiliti berkenaan telah dibuat pada 11 April 2017 dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada 30 April 2017.



Koperasi Kg. Berundong Papar Berhad, Sabah

## MAKLUMB ALAS KKLW

- Pihak syarikat telah memaklumkan bahawa mesin berkenaan tidak dapat diperbaiki kerana ketiadaan alat ganti dan tempoh waranti telah tamat.





**Koperasi Homestay Sg. Pasu Raub Berhad, Pahang**

## MAKLUM BALAS KKLW

- Kesinambungan projek ini tidak dapat diteruskan disebabkan kepimpinan ALK yang baharu dan tiada kepakaran dalam pengurusan projek.





**Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad, Perlis**

## MAKLUM BALAS KKLW

- Aset tersebut dialihkan ke Koperasi Gerakan Daya Wawasan Padang Besar Selatan Berhad di Perlis kerana terdapatnya pengusaha kuih bahulu dan kerisik kelapa sedia ada di kampung berkenaan.







**Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah**

## MAKLUM BALAS KKLW

- Kontraktor bagi Projek Chalet dan Projek Taman Herba telah diberi 3 EOT sehingga 30 April 2017.
- Projek Cenderamata; Projek *Embroidery* dan Jahitan Sulaman; dan Projek Bengkel Kuih Tradisional terhenti kerana pengusaha sedia ada berhijrah.



**Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad, Selangor**

## MAKLUM BALAS KKLW

- Koperasi telah mengemukakan permohonan kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia pada 11 April 2017 untuk mengadakan lawatan inspektorat ke tapak semaian bagi tujuan pendaftaran lesen.






Koperasi Sg. Lang Berhad, Selangor

## MAKLUM BALAS KKLW

- Hasil jualan lembu dan kambing tidak dapat menampung pembelian lembu dan kambing baharu untuk pusingan seterusnya.
- Koperasi mencadangkan kaedah *Animal Lodging* dengan mempelawa pihak luar

Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, N. Sembilan



## MAKLUM BALAS KKLW

- Untuk memanfaatkan penggunaan aset yang tidak digunakan, KKLW telah mengenal pasti Koperasi Ulu Cheka Jerantut Berhad di Pahang yang mengusahakan perkhidmatan percetakan untuk dipindahkan aset tersebut.







Koperasi DL Kg. Seterpa KB Berhad, Kelantan

## MAKLUM BALAS KKLW

- Kesemua kenderaan bagi Projek Perkhidmatan Sewaan telah mula menerima tempahan sewaan.
- Bagi Projek Ternakan Kelulut, 55 koloni akan diambil daripada pembekal dan ditempatkan di lokasi sedia ada manakala Koperasi Penduduk DL Paloh 1 Bhd. di Kelantan telah dikenal pasti untuk ditawarkan baki 70 koloni kelulut.





Koperasi Gemilang Kg. Gebok Seremban Berhad, N. Sembilan

## MAKLUM BALAS KKLW

- Peralatan yang tidak digunakan diagihkan kepada Koperasi Wawasan Pachitan Port Dickson Berhad di Negeri Sembilan dan koperasi di bawah PDL tahun 2017 yang memohon projek yang sama.



**Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad, Johor**

## MAKLUM BALAS KKLW

- KEJORA telah meminta pihak TNB membekalkan segera bekalan elektrik ke Projek Ternakan Ayam Pedaging KOPEMA kerana projek Desa Lestari adalah projek Kerajaan untuk komuniti melalui platform Koperasi. Dalam masa yang sama proses pindah milik sebahagian tanah 12B sedang diuruskan dengan Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi, Johor.



# 3 *Kontrak Ditandatangani Tanpa Kuasa*

## ISU AUDIT

- Kontrak Pembinaan Dua Unit Reban Ayam Projek Desa Lestari antara KEJORA dan Syarikat Cahaya Limbungan Sdn. Bhd. berjumlah RM0.92 juta telah ditandatangani oleh Pengurus Besar KEJORA bagi pihak Kerajaan Malaysia tanpa penurunan kuasa oleh YB Menteri KKLW.

## MAKLUM BALAS KKLW

- KEJORA telah mengemukakan surat permohonan kepada Bahagian Perolehan, KKLW bertarikh 27 Mac 2017 untuk pertimbangan dan kelulusan YB Menteri untuk menandatangani kontrak di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949.

# 4 Tambahan Seunit Reban Ayam Tanpa Kelulusan

## ISU AUDIT

- KKLW pada 18 April 2013 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.12 juta bagi 2 unit bangunan untuk Projek Ternakan Ayam Pedaging kepada Koperasi Pembangunan Kampung Tersusun Mawai Baru Berhad. Bagaimanapun pada 25 Ogos 2014, peruntukan sebanyak RM0.45 juta telah ditarik balik menjadikan peruntukan semasa sebanyak RM0.67 juta.
- KEJORA telah mengiklankan dan meneruskan tender untuk membuat 2 unit reban pada harga RM0.92 juta
- Harga sebenar seunit reban (Reban 1) adalah RM0.56 juta iaitu **perbezaan sebanyak RM0.10 juta. Perbezaan tersebut sepatutnya dikembalikan KEJORA kepada KKLW.**

## MAKLUM BALAS KKLW

- Kelulusan peruntukan berjumlah RM668,413 adalah merangkumi kos juru perunding, iklan akhbar, kerja-kerja awalan dan pembinaan 1 unit bangunan bersaiz 280'x50' sepertimana surat kelulusan bertarikh 10 Oktober 2014.
- Pembinaan reban 2 (200'X40') dibiayai melalui *softloan* oleh KEJORA kepada KOPEMA. Perjanjian di antara pihak KEJORA dan KOPEMA akan ditandatangani pada 30 April 2017 di mana Reban 2 akan diserah dan diurus sepenuhnya oleh KOPEMA



# 5 Bayaran Pendahuluan 10% Bagi Perolehan Kenderaan

## ISU AUDIT

- Pembayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada harga kenderaan/jentera telah dibuat sebelum kenderaan/jentera diterima.
- Koperasi Sepakat Kampung Isnin Maarof Johor Berhad, Johor telah membayar sebanyak RM14,993 bagi pembelian 1 unit lori (*custom made*) termasuk kelengkapan dan peralatan untuk Projek Perkhidmatan Food Truck. Koperasi Kampung Bayai Lama Jempol Berhad, Negeri Sembilan telah membayar sebanyak RM61,383 untuk pembelian 3 unit jentera.

## MAKLUM BALAS KKLW

- Agensi pembayar mengeluarkan surat jaminan kepada pembekal bagi tempahan kenderaan dan jentera. Bagaimanapun, Koperasi memaklumkan bahawa terdapat pembekal tidak menerima surat jaminan untuk penempahan dan mensyaratkan pembayaran deposit 10% untuk tempahan.

# 6 Pecah Kecil Perolehan

## ISU AUDIT

- 6 perolehan sebut harga bernilai RM2.08 juta di 3 Koperasi dipecah kecilkan dan tidak diperoleh secara tender. Kelulusan Kementerian Kewangan juga tidak diperolehi.

## MAKLUM BALAS KKLW

- Proses tender akan mengambil masa yang lebih panjang dan menjangkau tahun semasa. Selaras dengan objektif PDL untuk mengupayakan penduduk melalui pelaksanaan projek pembangunan, Koperasi memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan. Kaedah sebut harga dilaksanakan bagi memberi peluang dan keutamaan kepada kontraktor kelas G1 dan G2.





### PECAH KECIL PEROLEHAN TENDER

| PERKARA | PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH (RM) | PENEMUAN AUDIT |
|---|---|---|---|
| **Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad** | | | |
| Kerja Ubahsuai 23 Unit Bilik Hotel Untuk Projek Hotel Bajet | 413,700 | 710,650 | Kerja dibuat dalam bangunan dan tempoh yang sama boleh dilaksanakan oleh kontraktor sama. Terdapat juga kerja ubahsuai dalam kerja hiasan dalaman selain bayaran *preliminiries* yang boleh disatukan dalam satu kontrak. |
| Kerja Hiasan Dalaman & Kelengkapan Projek Hotel Bajet | 296,950 | | |
| **Koperasi Sungai Lang Berhad** | | | |
| Membina Prasarana Penternakan Lembu & Kambing di Ladang Penternakan Fidlot | 425,500 | 565,000 | Koperasi melantik kontraktor yang sama bagi dua projek dalam kawasan dan tempoh masa yang sama. Perolehan dibuat serentak pada 21 Jun 2014. |
| Membina & Menyiapkan Bengkel Kraf Tangan Serta Kelengkapan di Ladang Penternakan Fidlot | 139,500 | | |
| **Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad** | | | |
| Kabin Berserta Kelengkapan Dalaman, Elektrik & Air (6 Unit) | 390,000 | 805,000 | Perolehan kabin boleh dibuat oleh kontraktor yang sama. Perolehan dibuat serentak pada 25 September 2014. |
| Kabin Berserta Kelengkapan Dalaman, Elektrik & Air (8 Unit) | 415,000 | | |
| **JUMLAH BESAR (RM)** | | **2,080,650** | |

## 7 Syarikat Dilantik Milik Keluarga/ALK

### ISU AUDIT

- 11 perolehan pembelian terus/sebut harga berjumlah RM1.75 juta oleh 4 Koperasi dibuat dengan **melantik kontraktor di kalangan syarikat yang dimiliki oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) mahupun ahli keluarga ALK.**

### MAKLUM BALAS KKLW

- Pemilihan kontraktor tersebut adalah dibuat oleh Koperasi melalui Jawatankuasa Pembuka dan Penilaian Sebut Harga, Jawatankuasa Sebut Harga dan Mesyuarat ALK di peringkat Koperasi. Ahli Jawatankuasa terlibat juga telah menandatangani dokumen *Integriy Pact* selaras dengan ketetapan oleh KKLW.



## 8 Kebenaran Merancang Tidak Diperoleh

### ISU AUDIT

- Bagi Projek Mini Hotel Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad bernilai RM0.79 juta, Kebenaran Merancang (KM) tidak diperoleh daripada Majlis Perbandaran Kangar sebelum **kerja tapak bermula pada 16 Ogos 2016**. Kemajuan projek semasa lawatan Audit adalah sebanyak **50%.**

### MAKLUM BALAS KKLW

- Koperasi telah menerima **surat kelulusan KM** daripada Majlis Perbandaran Kangar selepas teguran Audit pada **27 Februari 2017**.

## 9 Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

### ISU AUDIT

- Semakan di semua Koperasi yang terlibat dengan perolehan kerja mendapati **Penguasa Projek tidak mengeluarkan CPC** bagi projek yang telah siap. Sebaliknya CPC dikeluarkan sendiri oleh pihak Koperasi.

### MAKLUM BALAS KKLW

- KKLW telah mengeluarkan **surat arahan bertarikh 25 Januari 2017** kepada agensi yang menerima peruntukan untuk mengeluarkan CPC. Walau bagaimanapun, maklum balas yang diterima bahawa **CPC tidak boleh dikeluarkan oleh agensi pembayar** memandangkan proses perolehan dilaksanakan sepenuhnya oleh koperasi.
- KKLW telah mengeluarkan arahan susulan bertarikh 4 April 2017, CPC yang dikeluarkan oleh Koperasi mestilah mendapat ulasan dan pandangan pegawai teknikal agensi yang kemudiannya disahkan oleh Pegawai Penyelaras Koperasi (PPK).



## 10 Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

### ISU AUDIT

- Tujuh projek di tiga Koperasi mendapati **kerja berjumlah RM0.14 juta** telah dibuat **tanpa mengikut spesifikasi** sebagaimana dinyatakan dalam BQ.
- Berlaku duplikasi kerja di empat Koperasi menyebabkan **lebihan bayaran** sejumlah **RM0.22 juta.**
- Perakuan mengenai kerja telah dibuat oleh Pegawai Penyelaras Koperasi (PPK) dan bayaran telah dibuat sepenuhnya oleh agensi terlibat.

### MAKLUM BALAS KKLW

- KKLW telah mengarahkan agensi menjalankan siasatan ke atas PPK yang terlibat dan perlu dikemukakan laporan hasil siasatan dalam tempoh 14 hari.
- KKLW juga telah meminta Koperasi mengarahkan kontraktor membuat semula atau membayar balik kepada Kerajaan atas kerja yang tidak mengikut spesifikasi, duplikasi kerja, *statement* dihargakan dan kerja tidak dibuat.

## Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

### KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

| BIL. | PROJEK | JUMLAH TIDAK IKUT SPESIFIKASI KONTRAK (RM) |
|---|---|---|
| **Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, Negeri Sembilan** | | |
| 1. | Lima Unit Chalet | 13,360 |
| 2. | Pintu Gerbang | 29,000 |
| 3. | Bilik Mandi | 24,890 |
| 4. | Garaj Kenderaan | 27,200 |
| **Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah** | | |
| 5. | Dewan Terbuka Lebah Kelulut | 7,038 |
| 6. | Gelanggang Futsal | 9,310 |
| **Koperasi Parit 7 Sekinchan Berhad, Selangor** | | |
| 7. | Ubahsuai Bangunan & Pendawaian Kedai Koperasi | 30,147 |
| | **JUMLAH (RM)** | **140,945** |



## Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

### LEBIHAN BAYARAN AKIBAT PERBEZAAN SENARAI KUANTITI

| PROJEK | JUMLAH BEZAAN (RM) |
|---|---|
| **Koperasi Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Berhad, Perlis** | |
| - Projek Garaj Kenderaan | 21,170 |
| **Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah** | |
| - Projek 10 Unit Chalet *<br>- Projek Taman Herba *<br>- Projek Dewan Terbuka<br>- Projek Gelanggang Futsal | 94,968 |
| **Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad, Negeri Sembilan** | |
| - Projek Lima Unit Chalet<br>- Projek Pintu Gerbang<br>- Projek Bilik Mandi<br>- Projek Garaj Kenderaan | 92,209 |
| **Koperasi Gemilang Kampong Gebok Seremban Berhad, Negeri Sembilan** | |
| - Projek Stor Penyimpanan | 8,760 |
| **Jumlah** | **217,107** |

# 11 Denda Tidak Dikenakan Bagi Projek Lewat Siap

## ISU AUDIT

- **Tiada terma Lanjutan Masa** dinyatakan dalam GP PDL bagi membolehkan lanjutan masa dipohon oleh kontraktor sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh masa ditetapkan.
- Terdapat dua projek **lewat disiapkan** tetapi denda tidak dikenakan terhadap kontraktor berjumlah RM74,000.

## MAKLUM BALAS KKLW

- **Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad** - Koperasi mengeluarkan surat kepada kontraktor berkaitan dengan denda disebabkan kelewatan. Prestasi projek sehingga 11 April 2017 adalah 85%.
- **Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad** - Koperasi telah memberi tiga EOT kepada kontraktor sehingga 30 April 2017. LAD akan dikenakan kepada kontraktor sekiranya projek tidak dapat disiapkan selepas tarikh tersebut.



# Denda Tidak Dikenakan Bagi Projek Lewat Siap

**PROJEK LEWAT SIAP DAN DENDA TIDAK DIKENAKAN**

| PROJEK | TEMPOH KONTRAK | NILAI (RM) | LAD SEHARI (RM) | TEMPOH KELEWATAN* | JUMLAH KELEWATAN (Hari) | JUMLAH LAD (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Lubuk Sireh Perlis Berhad, Perlis** | | | | | | |
| Mini Hotel | 15.08.2016 - 30.11.2016 | 498,650 | Tidak Dinyatakan | 30.11.2016 - 12.01.2017 | 42 | - |
| **Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah** | | | | | | |
| Sembilan Unit Chalet & Satu Pejabat | 22.02.2015 - 21.06.2015 | 457,430 | 86 | 21.06.2015 - 12.01.2017 | 568 | 48,848 |
| Taman Herba | 17.12.2015 - 12.01.2016 | 374,872 | 70 | 12.01.2016 - 12.01.2017 | 365 | 25,550 |
| **JUMLAH (RM)** | | | | | | **74,398 |

**Sumber:** Surat Setuju Terima Kontraktor
**Nota:** (*) - Sehingga Tarikh Lawatan Audit (**) - Mengikut Kiraan Audit

# 12 Perbezaan Harga Tidak Munasabah - Kabin Chalet

## ISU AUDIT

- Terdapat perbezaan julat harga yang tinggi antara RM29,850 hingga RM60,720 seunit (11.5% - 23.42%) bagi setiap kabin menyebabkan perbezaan harga sebanyak RM0.64 juta.

| KOPERASI | JUMLAH KABIN CHALET (Unit) | JUMLAH KOS PEMBINAAN (RM) | HARGA SEUNIT KABIN (RM) | PERBEZAAN HARGA TERENDAH - RM29,850 SEUNIT (RM) | JUMLAH PERBEZAAN HARGA (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Kilmu Jaya Ranau Berhad, Sabah | 10 | 386,350 | 38,635 | 8,785 | 87,850 |
| Desa Kuala Medang Lipis Berhad, Pahang | 8 | 390,520 | 39,052 | 9,202 | 73,616 |
| | 6 | 364,320 | 60,720 | 30,870 | 185,220 |
| Homestay Kg Peruas Berhad, Pahang | 9 | 268,650 | 29,850 | - | - |
| Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad, Selangor | * 8 | 321,000 | 40,125 | 10,275 | 82,200 |
| Pembangunan Ulu Legong Berhad, Kedah | * 10 | 457,430 | 50,826 | 20,976 | 209,760 |
| JUMLAH BESAR | | 2,188,270 | 259,208 | 80,108 | 638,646 |

Nota : Tidak Termasuk Kemudahan Aksesori Dalaman Kabin

* Koperasi telah menukar status kabin chalet kepada chalet batu kekal

## MAKLUM BALAS KKLW

- Perbezaan harga kabin adalah berdasarkan kepada saiz kabin, saiz tingkap dan pintu serta kelengkapan, jenis dan kualiti material digunakan dan saiz tangki air serta beberapa perbezaan lain.



# 13 Pelantikan Perunding

## ISU AUDIT

a. **Juruperunding Dilantik Bukan Juruperunding Bertauliah**
Juruperunding yang dilantik iaitu RNZ Consultants And Services bagi 6 projek di Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad dan Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Berhad bernilai RM1.83 juta didapati tidak berdaftar sebagai Juruperunding Bertauliah.

b. **Bayaran Tidak Dibuat Secara Terus Kepada Juruperunding**
Bayaran kepada RNZ Consultants And Services sebanyak RM0.13 juta tidak dibuat secara berasingan, tetapi melalui bayaran kepada kontraktor.

c. **Juruperunding Tidak Dilantik**
4 projek di Koperasi Sg. Lang Berhad (Fidlot & Kraftangan), Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad (Kilang Baja) dan Koperasi Ulu Pulai Lestari Pontian Berhad (Rumah Rakit) berjumlah RM1.36 juta tidak melantik juruperunding bagi pembangunan dan pengesahan reka bentuk projek.

# Pelantikan Perunding

## MAKLUM BALAS KKLW

**Koperasi Homestay Lonek Jempol Bhd & Koperasi Desa Kuala Medang Lipis Bhd**
Koperasi tidak mengetahui bahawa syarikat RNZ Consultants And Services merupakan syarikat perunding yang tidak bertauliah. Koperasi telah melaksanakan projek ini secara design and build di mana kontraktor akan menyediakan lukisan pelan pembinaan.

**Koperasi Ulu Pulai Lestari Pontian Berhad**
Koperasi telah mendapatkan pengesahan daripada juruperunding.

**Koperasi Sungai Lang Berhad**
Kos pelantikan perunding tidak termasuk dalam kos projek yang diluluskan. Koperasi mempunyai peruntukan yang terhad bagi pembinaaan projek fizikal. Pelantikan juruperunding memerlukan kos sekitar 7-10% daripada jumlah keseluruhan projek.

**Koperasi Pembangunan Kg. Tersusun Mawai Baru Berhad**
Pelantikan perunding terkandung di dalam perjanjian antara Koperasi dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pihak koperasi telah mengadakan perbincangan dengan pihak UTM untuk mendapatkan perakuan berkaitan pelan dan surat akan diperolehi pada 24 April 2017.



# 14 Perolehan Lebah Kelulut

## ISU AUDIT

- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan PDI 2/2013 pada 14 Jun 2013 telah memutuskan agar projek ternakan lebah kelulut menjadi satu aktiviti PDL - Syamille Agrofarm & Resort Sdn Bhd (668163-U) dilantik sebagai pembekal.
- Keputusan Mesyuarat **tidak disusul dengan kelulusan daripada Kementerian Kewangan** bagi melaksanakan perolehan secara rundingan terus. 20 buah Koperasi terlibat dalam projek ternakan lebah kelulut - peruntukan RM4.56 juta.
- Harga Koloni Lebah Kelulut yang bernilai RM1,260/unit lebih mahal daripada pasaran.
- Tiada sebarang perjanjian disediakan di antara KKLW dengan Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd.

## MAKLUM BALAS KKLW

- KKLW telah mengemukakan surat permohonan maaf kepada Kementerian Kewangan melalui surat rujukan KKLW.PE.650-8/14 Jld.4 (45) bertarikh 26 September 2014.
- Perjanjian di antara KKLW dengan Syarikat Syamille Agrofarm & Resort Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 31 Julai 2013 melalui MOU.

# 15 Perolehan Kenderaan Melebihi Harga Pasaran

## ISU AUDIT

- **Koperasi Komuniti Kg. Kilim Langkawi Bhd.** telah diluluskan peruntukan bagi perolehan seunit kenderaan pacuan 4 roda berharga RM110,000. Berdasarkan surat Koperasi kepada UMW Toyota Motor Sdn Bhd, bertarikh 6 Julai 2014, Koperasi telah bersetuju untuk membeli kenderan Toyota Hilux D/Cab 3.0G (A) berdasarkan harga Semenanjung dengan harga RM107,111. Semakan Audit mendapati, harga kenderaan tersebut di Langkawi adalah RM100,017 dengan perbezaan harga sebanyak RM7,094.

## MAKLUM BALAS KKLW

- Bagi mengelakkan risiko di kompaun dan dikenakan bon am, Koperasi telah membeli kenderaan dengan harga Semenanjung disebabkan keperluan Koperasi untuk mengikuti latihan/aktiviti/seminar/kursus anjuran pelbagai pihak di Semenanjung.



# 16 Perolehan Jentera Yang Sama Pada Harga Berbeza

## ISU AUDIT

- Harga yang dibeli oleh setiap Koperasi adalah berbeza dengan perbezaan harga sebanyak RM69,300 berbanding harga standard terendah. Harga belian oleh Koperasi adalah antara RM223,000 hingga RM260,000.

| KOPERASI | SPESIFIKASI JENTERA | HARGA BELIAN (RM) | PERBEZAAN DENGAN HARGA TERENDAH - RM223,000 (RM) |
|---|---|---|---|
| Wawasan Kg. Kuala Kerik Sik Bhd. | JCB 3CX Backhoe Loader | 260,000 | 37,000 |
| Desa Lestari Kg. Bujang Kedah Bhd. | | 243,300 | 20,300 |
| Peneroka FELDA Mata Ayer Perlis Bhd. | | 235,000 | 12,000 |
| Homestay Lonek Jempol Bhd. | | 223,000 | - |
| | | JUMLAH | 69,300 |

## MAKLUM BALAS KKLW

- Perbezaan harga jentera berkenaan adalah disebabkan jenis pacuan, pertambahan aksesori yang berbeza berdasarkan keperluan kerja oleh Koperasi.

# 17 Perolehan Jentera Terpakai

## ISU AUDIT

- 9 jentera yang dibeli oleh Koperasi dengan kelulusan KKLW sebanyak RM1.23 juta merupakan **jentera terpakai:**
  - **Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Kedah Bhd.**
    - 3 unit jentera terpakai bernilai RM200,000
  - **Koperasi Parit Tujuh Sekinchan Bhd.**
    - 1 unit trem bernilai RM80,000 (Jentera RM50,000)
  - **Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Bhd.**
    - 2 unit *backhoe* bernilai RM260,000
    - 3 unit *excavator* bernilai RM716,700



# 18 Peralatan Tidak Digunakan

## ISU AUDIT

Lawatan Audit pada 14 Mac 2017 mendapati peralatan bernilai RM20,000 bagi makmal pembenihan cendawan untuk projek Tanaman Cendawan Tiram masih belum digunakan.

**Koperasi Pembangunan Kampung Tersusun Mawai Baru Berhad, Johor**





## MAKLUM BALAS KKLW

- Berlaku penurunan harga susu getah yang drastik pada tahun 2014 sekitar RM1.50 ke RM2 sekilo telah memberi kesan secara langsung kepada aktiviti menoreh getah.

# Peralatan Tidak Digunakan

## ISU AUDIT

Koperasi telah membelanjakan sebanyak RM131,940 bagi pembelian mesin serta peralatan bengkel kerja kraftangan. Lawatan Audit pada 8 Februari 2017 mendapati peralatan tersebut masih tidak digunakan.

**Koperasi Sungai Lang Berhad, Selangor**





## MAKLUM BALAS KKLW

Peralatan yang tidak digunakan akan dipindahkan kepada Koperasi lain dengan pelaksanaan program yang sama.



# 19 Pajakan Tanah

## ISU AUDIT

- Sebanyak RM0.39 juta telah dibayar bagi 14 perjanjian pajakan di 6 Koperasi.
- Pajakan tanah dibuat atas tanah yang dimiliki oleh ALK/ahli keluarga ALK.
- Semua tanah yang dipajak di bawah PDL tidak dikaveat.
- Tanah yang dipajak adalah bukan atas nama pemajak.
- Penama geran tanah yang dipajak adalah atas nama 5 pemilik.
- Tiada penilaian dibuat oleh JPPH bagi menentukan nilai pajakan tanah – Pajakan tanah tidak dibayar kepada pemilik tanah.

## MAKLUM BALAS KKLW

- KKLW telah mengarahkan tindakan pembaikan oleh Koperasi.

## Pajakan Tanah

### ISU AUDIT

**Kos Penyediaan Perjanjian Tanah Dituntut Agensi Tetapi Tidak Diakaunkan Ke Akaun Agensi**

- Ketua Unit Integriti KEDA pada 4 September 2014 telah mengarahkan Koperasi Pembangunan Ulu Legong Berhad membuat bayaran sebanyak RM800 bagi penyediaan perjanjian antara Koperasi dengan pemilik tanah.
- **Bayaran tersebut tidak diakaunkan ke dalam akaun KEDA**. Semakan lanjut mendapati terdapat 7 perjanjian lain di Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Kedah Berhad juga disediakan oleh Ketua Unit Integriti KEDA.

### MAKLUM BALAS KKLW

- KKLW telah mengeluarkan surat kepada KEDA pada 7 April 2017 untuk menubuhkan Jawatankuasa Siasatan dan dikehendaki untuk mengemukakan laporan siasatan tersebut dalam masa 30 hari daripada tarikh surat dikeluarkan. Pengurusan Tertinggi KEDA telah mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan KEDA bagi tujuan tersebut.



## 20 Penyelenggaraan Akaun Oleh Koperasi

### ISU AUDIT

- 3 Koperasi tidak menyediakan rekod terimaan dan perbelanjaan terhadap projek yang dilaksanakan. Koperasi terlibat ialah:
  - Koperasi Kaban Stass Bau Berhad, Sarawak (Sewaan Kenderaan dan Mesin Pemotong Rumput)
  - Koperasi Sg. Lang Berhad, Selangor (Penjualan Lembu Pedaging dan Kambing)
  - Koperasi DL Kg. Tanjung Parang Samarahan Berhad, Sarawak (Sewaan Kanopi Dan Peralatan Katering).

### MAKLUM BALAS KKLW

- Pihak SKM memaklumkan bahawa akaun Koperasi berkenaan telah diselenggara melalui penyata kewangan yang telah di audit.

Sekian, Terima Kasih










KKLW
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

DESA LESTARI
21st CENTURY VILLAGE

# MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS BIL.16 TAHUN 2017 – PROGRAM DESA LESTARI









# PROGRAM DESA LESTARI

### LATARBELAKANG

- Mula diperkenalkan pada tahun 2013 yang merupakan inisitif di bawah GTP 2.0
- Tersenarai di bawah NKRA - *21st Century Village (Cooperative Driven)* Mentransformasikan Luar Bandar melalui platform **Koperasi**

### OBJEKTIF

- Meningkatkan pengupayaan komuniti **dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan** di kampung – perancangan dan pelaksanaan projek dilaksanakan oleh koperasi
- Memperkasa aktiviti ekonomi dan keusahawan penduduk kampung **melalui Koperasi dengan membuka peluang pekerjaan baharu serta peluang peningkatan pendapatan** kepada penduduk

### GARIS PANDUAN

- Diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 21 Mei 2013 dan kelulusan pengecualian SPP Bil.1/2014 pada 5 Mei 2014.

### STATUS PELAKSANAAN

- 2013 – 2016 : **80 buah kampung**
- Perbelanjaan : **RM114.68 juta**

### BILANGAN KAMPUNG MENGIKUT SEKTOR

| SEKTOR | JUMLAH KAMPUNG | PERATUSAN |
|---|---|---|
| Perkhidmatan | 33 | 41% |
| Pelancongan Desa | 29 | 36% |
| Penternakan | 7 | 9% |
| Peruncitan | 4 | 5% |
| Pembuatan | 5 | 6% |
| Pertanian | 2 | 3% |
| **JUMLAH** | **80** | **100** |

### KPI

- Koperasi berjaya meningkatkan pendapatan kasar sekurang-kurangnya **5%** selepas setahun pelaksanaan
- Mewujudkan sekurang-kurangnya **10** peluang pekerjaan baharu
- **30%** Ketua Isi Rumah (KIR) menganggotai koperasi

# INDIKATOR PENCAPAIAN

## PENDAPATAN

**71.9 % (41/57)** koperasi berjaya meningkatkan pendapatan kasar sekurang-kurangnya 5% selepas setahun pelaksanaan

Rekod Pendapatan Kasar Koperasi




2014 – RM1.7j (29kpg)
2015 – RM9.9j (42kpg)
2016 – RM13.4j (57kpg)

## PELUANG PEKERJAAN

**61.4% (35/57)** koperasi berjaya menawarkan sekurang-kurangnya 10 peluang pekerjaan



## KEANGGOTAAN KIR



**70% (40/57)** koperasi telah mencapai 30% Ketua Isi Rumah (KIR) menganggotai koperasi

# *SUCCESS STORY* - KAMPUNG TELLIAN

**Butiran kampung & Koperasi**

**Butiran Kampung**
- Kampung tahun 2013
- Penduduk : 1,200 orang

**DUN**
- Balingian

**Parlimen**
- Mukah

**Butiran Koperasi**
- Koperasi Desa Lestari Kampung Tellian Tengah dan Ulu Mukah Berhad
- Tarikh Penubuhan : 23 Mac 2013
- Fungsi /Aktiviti Koperasi : Perkhidmatan Pengangkutan

---

**306** orang
Keanggotaan Koperasi

**51.3%**
KIR anggota Koperasi

Pendapatan Kasar
» 2014 : **RM212,046**
» 2015 : **RM497,073**
» 2016 : **RM1,526,370**

**12** orang
Peluang pekerjaan yang diwujudkan

# BUTIRAN PROJEK EKONOMI

1 unit lori berkren dan 10 unit lori 20 tan



## PROJEK PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

- Pengangkutan rumbia dan arang batu
- Pendapatan kasar 2014: **RM212,046**
- Pendapatan kasar 2015: **RM497,073**
- Pendapatan kasar 2016: **RM1,526,073**
- Bil. Pekerja: **12 orang**











# SUCCESS STORY – KAMPUNG PALOH 1

**Butiran kampung & Koperasi**

**Butiran Kampung**

- Kampung tahun 2013
- Penduduk : 2,500 orang

**DUN**

- Paloh

**Parlimen**

- Gua Musang

**Butiran Koperasi**

- Koperasi Penduduk Desa Lestari Paloh 1 Berhad
- Tarikh Penubuhan : 27 Disember 1982
- Fungsi /Aktiviti Koperasi : Perkhidmatan Jentera dan penternakan

---

**320** orang
Keanggotaan Koperasi

**100%**
KIR dalam Koperasi

Pendapatan Kasar
» 2014 : **RM333,552**
» 2015 : **RM740,203**
» 2016 : **RM1,982,049**

**18** orang
Peluang pekerjaan yang diwujudkan

# BUTIRAN PROJEK EKONOMI

## PERKHIDMATAN JENTERA

- Sewaan jentera perladangan
- Pendapatan kasar 2014: **RM329,122**
- Pendapatan kasar 2015: **RM734,425**
- Pendapatan kasar 2016: **RM1,973,966**
- Bil. Pekerja: **15 orang**












# BUTIRAN PROJEK EKONOMI

## PROJEK PENTERNAKAN

50 sarang

- Penternakan lebah kelulut
- Pendapatan kasar 2014: **RM4,430**
- Pendapatan kasar 2015: **RM5,778**
- Pendapatan kasar 2016: **RM8,082**
- Bil. Pekerja: **3 orang**







# SUCCESS STORY – KAMPUNG SUASA

**Butiran kampung & Koperasi**

**DUN**
- Lumadan

**Parlimen**
- Sipitang

**Butiran Kampung**
- Kampung tahun 2014
- Penduduk : 1,022 orang

**Butiran Koperasi**
- Koperasi Bersatu Kampung Suasa Beaufort Berhad
- Tarikh Penubuhan : 12 Disember 2013
- Fungsi /Aktiviti Koperasi : Pelancongan dan Penternakan

---

**127 orang**
Keanggotaan Koperasi

**67%**
KIR dalam Koperasi

Pendapatan Kasar
» 2015 : **RM60,807**
» 2016 : **RM218,525**

**9 orang**
Peluang pekerjaan yang diwujudkan

# BUTIRAN PROJEK EKONOMI

| | | |
|---|---|---|
| Kelulusan | 20 | Ekor |
| Jum. Semasa | 24 | Ekor |

## PROJEK PENTERNAKAN

- Penternakan kerbau
- Pendapatan kasar 2015: **RM45,190**
- Pendapatan kasar 2016: **RM94,634**
- Bil. Pekerja: **3 orang**





## PROJEK PELANCONGAN

- Pendapatan kasar 2015: **RM15,617**
- Pendapatan kasar2016: **RM123,891**
- Bil. Pekerja: **6 orang**





# SUCCESS STORY – KAMPUNG SRI GUNUNG PULAI

Butiran kampung & Koperasi

**Butiran Kampung**
- Kampung tahun 2015
- Penduduk : 138 orang

**DUN**
- Bukit Batu

**Parlimen**
- Kulai

**Butiran Koperasi**
- Koperasi Sri Sekawan Kulaijaya Berhad
- Tarikh Penubuhan : 14 Mei 2013
- Fungsi /Aktiviti Koperasi : Pelancongan

---

**92 orang**
Keanggotaan Koperasi

**37%**
KIR dalam Koperasi

Pendapatan Kasar
» 2016 : **RM247,868**

**34 orang**
Peluang pekerjaan yang diwujudkan

# BUTIRAN PROJEK EKONOMI



## PROJEK PELANCONGAN

- Sewaan chalet, van dan peralatan perkhemahan
- Pendapatan kasar 2016: **RM247,868**
- Bil. Pekerja: **20 orang**



12 unit









# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 12016




- Pengauditan telah dijalankan diantara bulan Disember 2016 hingga Mac 2017 mendapati pelaksanaan Program Desa Lestari **telah meningkatkan peluang pekerjaan dan penjanaan ekonomi kepada komuniti** kampung keseluruhannya.
- Walau bagaimanapun, kurang memuaskan dalam pelaksanaan projek, pemantauan dan pentadbiran kontrak.
- Sebanyak **30 (37.5%)** daripada **80 Koperasi** telah dipilih bagi tujuan pengauditan melibatkan **222 projek**.
- Daripada jumlah projek tersebut, **19 projek (8.6%)** didapti gagal di 12 buah koperasi.

Penemuan Audit :

a) Lebihan peruntukan ditindik di agensi KKLW
b) projek gagal
*c) Improper payment* melibatkan perjanjian kontrak
d) Isu melibatkan perolehan kerja
e) Perolehan lebah kelulut dibuat secara rundingan terus
f) Peralatan yang tidak digunakan
g) Pajakan tanah
h) Pemantauan

# TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL

| PENEMUAN AUDIT | TINDAKAN |
|---|---|
| ***Lebihan peruntukan ditindik di agensi KKLW*** | • Pemulangan baki duit tindik berjumlah RM3.3 juta di KEDA, FELCRA dan RISDA telah selesai pada 20 Jun 2017 |
| ***Projek gagal***<br>• 19 daripada 84 projek ekonomi gagal di 12 koperasi | • Tindakan pemindahan aset sedang dilaksanakan oleh pihak SKM mengikut Tatacara Pemindahan Aset yang telah diluluskan dalam Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Desa Lestari Bil.2/2017 |
| ***Improper payment***<br><br>1) Kontrak pembinaan 2 unit reban ayam antara KEJORA dan Sykt Cahaya Limbungan SDN. Bhd. Ditandatangani oleh Pengurus Besar KEJORA. | • Penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalaman<br>• Jawatankuasa Siasatan Dalaman mendapati bahawa kontrak yang ditandatangani adalah berdasarkan kepada Akta Tubuh Badan Berkanun dan tidak terikat pada Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120). |
| 2) Bayaran Pendahuluan 10% bagi Perolehan Kenderaan | • Garis panduan telah ditambahbaik di mana bagi pembelian kenderaan akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan Agensi KKLW serta dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Pelaksana |

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BIL.1/2016

| PENEMUAN AUDIT | Tindakan |
|---|---|
| ***Perolehan kerja*** | • Garis panduan telah ditambahbaik di mana perolehan melibatkan pembelian bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 serta perolehan kerja melebihi RM20,000 dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan Agensi KKLW secara sebut harga dan tender bagi pihak Koperasi serta dipertanggungjawabkan sebagai Penguasa Projek.<br>• Mengarahkan tindakan pembaikan segera oleh koperasi bagi kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi<br>• Manakala bagi memastikan ketelusan dalam pelaksanaan projek, Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota-anggota Koperasi yang turut serta dalam perolehan sebagai kontraktor/pembekal dan terlibat dalam Jawatankuasa berkaitan hendaklah mengisi Borang Pengisytiharan berserta Borang *Integrity Pack* . |
| ***Perolehan bekalan /perkhidmatan***<br><br>1) Perolehan lebah kelulut secara rundingan terus tanpa kelulusan Kementerian Kewangan | • KKLW telah mengemukakan surat mengenai kronologi dan justifikasi pelantikan syarikat berkenaan serta permohonan maaf kepada Kementerian Kewangan pada 26 September 2014. Sebagai langkah pembetulan, mulai tahun 2014 proses perolehan melibatkan projek ternakan kelulut dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak koperasi sepertimana ditetapkan dalam kelulusan.<br>• Di samping itu, garis panduan telah ditambahbaik dengan perolehan dilaksanakan di peringkat agensi bagi had nilai melebihi RM50,000. |

| PENEMUAN AUDIT | TINDAKAN |
|---|---|
| ***Perolehan bekalan /perkhidmatan***<br><br>2) Perolehan Kenderaan/Jentera | • Garis panduan mengenai perolehan kenderaan/jentera telah ditambahbaik di mana perolehan tersebut akan dilaksanakan oleh agensi KKLW bagi pihak koperasi serta dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Pelaksana |
| ***Peralatan yang tidak digunakan*** | • Garis panduan telah ditambahbaik dengan mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal bagi menilai cadangan projek ekonomi yang dicadangkan mengikut keperluan sebenar kampung selaras dengan pandangan daripada jabatan/agensi yang berkaitan. |
| ***Pajakan tanah***<br><br>1) Tanah dikaveat | • Garis panduan berkenaan prosedur pajakan tanah telah dikemaskini dan ditambahbaik dengan mendaftarkan tanah yang dipajak di Pejabat Tanah. |

| PENEMUAN AUDIT | TINDAKAN |
|---|---|
| ***Pajakan tanah***<br><br>2) Kos Penyediaan Perjanjian Tanah Dituntut Agensi Tetapi Tidak Diakaunkan ke Akaun Agensi KEDA | • Mengambil tindakan ke atas pegawai yang didapati menyalahgunakan kuasa |
| ***Pemantauan*** | • Garis panduan telah ditambahbaik dengan melibatkan pegawai di Pejabat Daerah/Pejabat Kemajuan Daerah untuk membantu Pegawai Penyelaras Koperasi yang terdiri daripada pegawai Agensi-Agensi KKLW dan Pegawai-pegawai SKM bagi menyelaras dan memantau proses pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan dengan nisbah seorang pegawai bagi setiap Koperasi |

# TERIMA KASIH

KKLW

DESA LESTARI
21" CENTURY VILLAGE
Memacu Transformasi Desa